

ISU-ISU
Kontemporari
DALAM PENGAJIAN
Dakwah & Usuluddin

Tradisi ilmu dalam pengajian Dakwah dan Usuluddin berhadapan dengan cabaran dunia moden hari ini terutamanya dalam konteks kefahaman dan pendedahan kepada masyarakat, khususnya generasi muda. Kelangsungan bidang ini untuk kekal relevan memerlukan usaha yang proaktif secara berterusan daripada pakar-pakar dalam bidang ilmu itu sendiri dalam menentukan hala tuju pengajian Dakwah dan Usuluddin. Azam tersebut sekali gus memastikan bidang ini memayungi bidang ilmu lain memandangkan peranannya sebagai asas untuk setiap umat Islam mengenal agama.

Kepentingan kesatuan ilmu Dakwah dan Usuluddin dalam kerangka pemikiran yang kukuh mampu membentuk sahsiah dan mengawal tingkah laku Muslim menurut ajaran Islam yang benar. Pemikiran berasaskan al-Quran dan al-Sunnah dengan manhaj akidah Ahli Sunnah Waljamaah mustahak bagi melahirkan generasi muslim yang beriman, bertakwa dan berakhlak mulia. Hasilnya akan membuahkan kesinambungan hidup yang aman, tenteram dan selamat di negara ini.

Buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* ini menonjolkan maklumat dan isi kandungan yang benar selari dengan konteks Islam semasa bertepatan dengan ideologi dan pemikiran aliran Ahli Sunnah Wal al-Jamaah. Justeru, buku ini turut memberi inspirasi ilmiah kepada pembaca dalam aspek dapatan dan persoalan kajian yang dibincangkan. Semoga dengan penerbitan buku ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca sama ada dari sudut teori mahupun praktikal terutamanya berkaitan isu-isu semasa dalam pengajian Dakwah dan Usuluddin.

eISBN 978-967-2122-95-1



9 789672 122951



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

FACULTY OF ISLAMIC AND CIVILIZATION STUDIES
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM
PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN



2020

ISU-ISU
Kontemporari
DALAM PENGAJIAN
Dakwah & Usuluddin

PENYUNTING:

NUR USWAH AHMAD FAUZI
ABUR HAMDY USMAN
MUHAMMAD YUSUF MARLON ABDULLAH
MUHAMMAD FAIZ MUKMIN ABDUL MUTALIB

**ISU-ISU KONTEMPORARI
DALAM PENGAJIAN
DAKWAH DAN
USULUDDIN**

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH DAN USULUDDIN

PENYUNTING

NUR USWAH AHMAD FAUZI

ABUR HAMDI USMAN

MUHAMMAD YUSUF MARLON ABDULLAH

MUHAMMAD FAIZ MUKMIN ABDUL MUTALIB

PENERBIT FPPI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

2020

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2020

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2020

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-8911700 ext: 7167

Dicetak di Malaysia/*Printed in Malaysia by*

Corner Resources
No. 20, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang,
Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
dalam Penerbitan / *Cataloguing-in-Publication Data* Data Pengkatalogan-

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN DAKWAH
DAN USULUDDIN
/ Nur Uswah Ahmad Fauzi, Abur Hamdi Usman, Muhammad Yusuf
Marlon Abdullah, Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib.

1. *Islam. 2. Kontemporari. 3. Islamic law.* I. Judul.

eISBN 978-967-2122-95-1

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT atas penerbitan buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah dan Usuluddin* bersempena dengan penganjuran Seminar Antarabangsa Pengajian Peradaban Islam (International Conference on Islamic Civilisational Studies (IConICS 2020) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2020.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk mencatatkan sepatah dua kata bagi mewakili pihak Jabatan Dakwah dan Usuluddin.

Sebagaimana yang dimaklumi, kerencaman dunia hari ini menyebabkan sebahagian sarjana mengistilahkan zaman ini dengan istilah VUCA (*volatile, uncertain, complex and ambiguous*) iaitu zaman yang penuh dengan perubahan dinamik dengan kepantasan masa yang tidak terjangkau dan tidak dapat diramal. Pelbagai isu kompleks timbul sehingga menyebabkan kekaburan terhadap realiti serta berlakunya disinformasi kerana kepantasan ledakan maklumat yang tidak terkawal.

Tujuan agama Islam adalah untuk menyebarkan kebaikan buat manusia dan menjauhkan kemudaratan baik dalam urusan agama mahupun keduniaan. Justeru, dalam mendepani situasi ini, memahami epistemologi Islam yang sebenar amat penting agar pemikiran umat Islam terpandu dan terpelihara daripada pengaruh budaya pemikiran Barat yang bersifat relatif dalam era pasca modenisme ini. Kefahaman yang tuntas terhadap akidah Ahli Sunnah Waljamaah perlu diperkukuhkan dalam kalangan masyarakat Islam supaya umat Islam tidak mudah terkeliru dengan fitnah-fitnah akhir zaman.

Selain itu, budaya hidup Islam yang syumul juga harus disuburkan melalui pelbagai platform dakwah secara konsisten agar penghayatan nilai-nilai agama sentiasa segar sepanjang masa. Seiringan dengan era Revolusi Industri 4.0, pelaksanaan dakwah masa kini boleh dilaksanakan dalam pelbagai medium terutamanya dalam bentuk digital yang mudah disebarluaskan dengan kemudahan teknologi di hujung jari.

Oleh itu, kefahaman terhadap asas agama serta pelaksanaan dalam menyebarkan maklumat yang benar adalah tanggungjawab yang sama penting yang harus digalas oleh setiap penuntut ilmu. Hal ini boleh direalisasikan menerusi usaha yang berterusan dalam mencari kebenaran dan menyebarkannya dengan pelbagai medium selagi ianya berada dalam batasan syariat. Seajar dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الْكَلِمَةُ الْحِكْمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ، فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا

[al-Tirmihī, *Kitāb al-ʿIlm*, *Bāb mā jā'a fī faḍl al-fiqh 'alā al-'ibādah*, no hadis 2687, *Gharib*]

Maksudnya:

“Hikmah adalah barang yang hilang dari orang mukmin, maka di mana sahaja ia dapati, dia adalah orang yang paling berhak terhadapnya.”

Akhir sekali, besar harapan pihak jabatan agar diskusi ilmiah sebegini sedikit sebanyak dapat membantu membugarkan kembali tradisi kegemilangan ilmu dakwah dan usuluddin yang saban hari semakin menghilang dan dalam masa yang sama diharapkan ianya menjadi bekalan kita di akhirat kelak. InsyAllah.

Sekian. Salam hormat.

DR. NURHANISAH BINTE SENIN

Ketua Jabatan

Jabatan Dakwah dan Usuluddin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Baginda Rasulullah SAW, ahli keluarga Baginda, dan para sahabat RA yang dipayungi lembayung keredaan Allah SWT.

Dakwah dan Usuluddin merupakan dua buah korpus ilmu yang tidak dapat lari dalam arus kehidupan semasa umat Islam masa kini. Dua buah ilmu ini menjadi alat terpenting umat Islam sama ada menjadi bekal buat diri sendiri mahupun sebagai usaha untuk menyebarkan ajaran agama yang dilihat kian rencam dan penuh pancaroba.

Ilmu Usuluddin merupakan disiplin ilmu yang diiktiraf sebagai ilmu yang paling utama manakala ilmu Dakwah adalah ilmu alat menekankan aspek metodologi dan teknik penyampaian bagi setiap cabang ilmu Usuluddin. Justeru, penguasaan ilmu Usuluddin dan Dakwah lebih ditekankan agar kefahaman akidah yang tulen benar-benar mantap dan kukuh serta dapat menyalurkan maklumat dakwah kepada golongan sasaran dengan jitu dan berkesan.

Sepertimana ilmu Usuluddin yang berkembang hasil ancaman kontemporari sama ada dari sudut pemikiran dan akidah, begitulah suasana yang dihadapi para pendakwah dalam mendepani sasaran dakwah yang pelbagai hasil perkembangan global dan arus cabaran RI 4.0. Usaha mengurus perdanakan isu-isu kontemporari dalam dua bidang ini dilihat sangat penting dan tidak boleh dibiarkan ketinggalan sesuai dengan perkembangan arus zaman yang rancak berkembang.

Syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea asli para akademia dalam usaha menambah penerbitan korpus ilmu pengajian Islam.

Semoga penerbitan buku ini akan memberi kesan yang sangat besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara berteraskan pengajian Islam. Buku ini juga diharap mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

NUR USWAH AHMAD FAUZI
ABUR HAMDY USMAN
MUHAMMAD YUSUF MARLON ABDULLAH
MUHAMMAD FAIZ MUKMIN ABDUL MUTALIB
Penyunting

KANDUNGAN

	Halaman
KATA ALU-ALUAN	vi
PRAKATA	viii
KANDUNGAN	x
PENDAHULUAN	xii
BAB 1 <i>RISIKO PENYALAHGGUNAAN GAJET DALAM JENAYAH SEKSUAL PEDOFILIA: SATU ANALISIS PAKAR</i>	18-25
Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Syarul Azman Shaharuddin & Muhammad Fakhru Razi Shahabudin	
BAB 2 <i>METODOLOGI DAKWAH KH MAIMUN ZUBAIR DALAM DAKWAH ISLAM</i>	26-34
Noor Hafizah Mohd Haridi, Zainora Daud, Hayati Hussain & Farah Nasiihah Roslan	
BAB 3 <i>PEMBANGUNAN KOMUNITI MUALAF KE ARAH KENDIRI BERTERASKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN AL- GHAZALI</i>	35-43
Syarul Azman Shaharuddin, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd Majid, Muhammad Yusuf Marlon & Siti Nor Atiqah Amran	
BAB 4 <i>TAQLID DALAM AKIDAH: ANALISIS TERHADAP PEMIKIRAN MUHAMMAD BIN YUSUF AL-SANUSI (W. 895 H.)</i>	44-49
Mustafa Kamal Amat Misra, Abdull Rahman Mahmood & Jaffary Awang	
BAB 5 <i>CABARAN MEMBENTUK AKHLAK REMAJA DALAM PENGAJIAN TURATH: ANALISIS TERHADAP PEMBELAJARAN PERSEKITARAN SOSIAL</i>	50-56
Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur Fatimah Zainuddin	

- BAB 6 ***SOSIALIS PRIMITIF MENURUT
PANDANGAN ALI SYARIATI*** 57-61
Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib &
Hamzah Omar
- BAB 7 ***PERANAN AKIDAH DALAM
MENGHADAPI PENULARAN
PANDEMIK COVID-19*** 62-68
Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin &
Yusni Mohamad Yusak

PENDAHULUAN

Buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin* merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam 7th *Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS)* 2020 anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diadakan buat julung kalinya secara dalam talian pada tarikh 12 November 2020. Penganjuran ICONICS 2020 merupakan kesinambungan daripada siri seminar IRSYAD anjuran FPPI sejak tahun 2015 hingga 2019 yang dijenamakan semula. Seminar ini berobjektif memperkukuhkan bidang pengajian Islam agar mampu mendepani cabaran RI 4.0. Seminar ini juga menjadi platform kepada para akademik dari dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat dan pandangan sebagai usaha memperkasakan pengetahuan umat Islam sehingga mampu untuk menerajui kemajuan pada masa hadapan selain memperkukuh perpaduan umat dari pelbagai negara.

Usuluddin yang mesra dikenali sebagai ilmu akidah, tauhid dan kalam merupakan benteng kepada cabang ilmu Islam lainnya, dek kerana fungsi utamanya sebagai asas untuk setiap individu Muslim dalam mengenal agama. Ilmu yang sejatinya perlu didahulukan untuk dipelajari sebelum selainnya, sebagaimana yang dinyatakan dalam athar berikut:

وَعَنْ جُنْدُبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: (كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- وَنَحْنُ فِتْيَانٌ حَزَاوِرَةٌ فَتَعَلَّمْنَا الْإِيمَانَ قَبْلَ أَنْ نَتَعَلَّمَ الْقُرْآنَ ثُمَّ تَعَلَّمْنَا الْقُرْآنَ فَازْدَدْنَا بِهِ إِيمَانًا)

[Ibnu Majah, no. 61, sahih]

Maksudnya:

Dari Jundub ibn ‘Abdulah berkata: “Kami dahulu bersama Nabi SAW, kami masih kanak-kanak yang menghampiri usia baligh. Kami mempelajari iman sebelum mempelajari al-Quran. Lalu selepas itu kami mempelajari al-Quran sehingga bertambahlah iman kami kepada al-Quran.

Oleh itu, usaha penambahbaikan amat penting diusahakan oleh para ilmuwan dalam bidang ilmu ini, agar tradisi keilmuan Usuluddin kekal dapat dikembangkan dan dipertahankan dalam masyarakat khususnya generasi muda.

Ilmu Usuluddin bukan hanya diperlukan untuk mempertahankan akidah Islam daripada kekeliruan golongan falsafah atau fahaman seperti Mukhtazilah pada masa lalu, bahkan ia masih penting untuk menghadapi cabaran akidah serta pemikiran moden masa kini. Sebagai contoh beberapa pandangan yang memandang ringan berkaitan virus Covid-19 yang sedang merebak dengan tagline: *“Jangan takut kepada virus tapi kepada Pencipta virus Allah SWT”*. Meskipun

pernyataan tersebut betul dari aspek akidah, namun pendekatan yang diambil ini tidak menepati kehendak syariat secara sempurna yang turut mengambil kira aspek ibadah, akhlak dan sebagainya. Mentaati arahan pemimpin, mengikut peraturan dan mengelakkan diri dari memudaratkan orang lain juga sebahagian daripada syariat Islam. Justeru, kefahaman seperti di atas merupakan satu kefahaman yang sempit kerana melihat isu yang berlaku dari sudut akidah semata-mata. Apabila hamba dituntut supaya takut kepada Allah SWT dan bertawakkal kepadaNya, mereka juga dituntut supaya berusaha. Itulah sebabnya, Nabi Musa AS diperintah memukul tongkat ke laut, walhal Allah SWT boleh sahaja membelahnya tanpa pukulan itu.

Begitu juga dengan cabaran berdakwah ketika zaman teknologi ini dinilai sebagai aral untuk semua khususnya dalam mengawal diri menyebarkan ilmu dan maklumat sahih memandangkan boleh diperoleh hanya di hujung jari. Usaha dakwah ketika ini perlu disesuaikan dengan kepantasan teknologi memandangkan semua maklumat mampu diperoleh dengan cepat. Penggunaan gajet amat meluas di semua peringkat, malah kanak-kanak turut menggunakannya. Namun, kita yang mengawal setiap maklumat yang disebarkan itu, biarlah perkara yang disebarkan itu menyihatkan perasaan dan jiwa. Meskipun dipandang remeh oleh sebahagian pihak, namun Rasulullah SAW memberikan jaminan ganjaran pahala seumpama yang diterima oleh sasaran dakwah. Perhatikan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Mas ‘ud RA:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ

[Muslim, *Kitab al-Imārah, Bab fadl al-ṣadaqah fi sabilillah wa tad‘ifihā*, nombor hadis 1893]

Maksudnya:

Sesiapa yang menunjuki kepada kebaikan maka dia akan mendapatkan pahala seperti pahala orang yang melaksanakannya.

Tidak kalah pentingnya tentang cabaran dakwah bagi umat Islam berkaitan lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) yang turut dianggap sebagai isu akidah yang sangat serius. Status jantina dan orientasi seksual mengelirukan golongan mengamalkan LGBT itu akan menyebabkan berlakunya kerosakan yang sangat besar terhadap hukum-hakam dalam perkahwinan, faraid dan keturunan manusia. Penyakit LGBT jelas bukannya disebabkan sifat semula jadi atau sesuatu yang ditentukan oleh genetik. Fenomena ini adalah pengaruh yang ‘diasuh’, kemudian terus diparahkan lagi dengan faktor persekitaran serta gerakan komunitinya yang semakin lantang menuntut hak mereka diiktiraf. Dalam sejarah Islam, Surah al-A’raf ayat 80 hingga 84 menyebut bagaimana kaum Nabi Lut diazab disebabkan mereka melakukan jenayah seperti apa yang

manusia lakukan pada hari ini. Namun begitu, Islam menzahirkan pendekatan cukup indah dan terbaik dengan bijaksana. Bukannya bersifat menghukum, tetapi ingin mendekati mereka dengan memberi keadilan serta mengajak semula kepada kehidupan diredai Allah SWT.

Hakikatnya, azam mengekalkan tradisi sesuatu ilmu sekali gus memastikannya kekal relevan merupakan cabaran yang cukup besar dalam dunia kontemporari hari ini. Pada peringkat institusi pengajian tinggi, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian Usuluddin semakin merosot sehingga sampai ke tahap terdapat beberapa fakulti pengajian agama tidak lagi menawarkan program itu kerana kurang sambutan. Dalam sketsa lain, terdapat sebahagian universiti menggabungkannya dengan disiplin agama lain atau ilmu moden dalam usaha menarik minat pelajar, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran untuk terus dihidupkan dalam bidang pendidikan.

Bertitik-tolak dari warna kehidupan umat di atas, buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Dakwah Dan Usuluddin* ini diusahakan penerbitannya. Buku yang disusun sebagai satu platform perkongsian ilmiah tentang permasalahan semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam, khususnya berkaitan ilmu dakwah dan usuluddin.

Pada bab satu, dibincangkan tentang dunia pada hari ini sedang melalui fasa pembaharuan teknologi Industri Revolusi 4.0, dan Malaysia tidak terkecuali dalam mengejar kemajuan global ini. Namun, setiap kemajuan teknologi mempunyai pro dan kontra sesuai dengan tujuan dan hala tuju pengguna. Tidak dapat dinafikan penyalahgunaan gajet adalah antara faktor penyumbang kepada jenayah seksual kanak-kanak atau pedofilia. Ini kerana laman sesawang lucah berkembang luas seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan, laman ini memasarkan visual lucah kanak-kanak, sekali gus laman sesawang seperti darkweb menjadi tumpuan penagih seksual seperti pedofilia untuk beraktiviti dan berkongsi. Oleh itu, Bab ini telah mengenalpasti risiko penyalahgunaan gajet dalam jenayah seksual pedofilia berdasarkan tinjauan kajian dan pandangan pakar. Artikel ini menggunakan metode kualitatif berdasarkan instrumen analisis dokumen dan temubual responden bagi mendapatkan maklumat. Bab ini mendapati bahawa gajet adalah medium yang paling pro aktif dalam modus operandi penjenayah untuk mengambil kesempatan terhadap golongan kanak-kanak. Kemungkinan juga gambar atau video yang dimuat turun oleh kanak-kanak atau ibubapa di media sosial boleh dijadikan sebagai wadah dan jalan untuk golongan pedofilia ini menetapkan sasaran dan merancang jenayah. Justeru itu, artikel ini membincangkan isu ini sesuai dengan konteks terkini berdasarkan pandangan pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam menangani jenayah seksual kanak-kanak.

Pada bab dua, penulis mengulas tentang metodologi dakwah yang merupakan elemen paling penting untuk dititikberatkan di dalam penyampaian dakwah. Ia menekankan tentang kaedah yang digunakan oleh para pendakwah di dalam menyampaikan dakwah tersebut. Bab ini turut menghuraikan tentang

ketokohan Haji Maimun Zubair atau lebih mesra dengan panggilan ‘Mbah Moen’ di nusantara. Maimun Zubair adalah seorang ilmuwan yang sering menjadi tumpuan di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Perkongsian bab ini mendapati terdapat tiga metodologi utama yang digunakan oleh beliau, iaitu *al-hikmah*, *dakwah Bi al-hal*, dan *mau’izah al-basanah*.

Pada bab tiga, fokus huraian membincangkan tentang realiti kehidupan mualaf tidak seperti yang digambarkan sasawarsa ini. Cabaran dan masalah yang dihadapi mualaf membantutkan potensi golongan mualaf dalam pemantapan akidah dan pembangunan ekonomi sebelum bergelar seorang mukalaf. Oleh itu, bab ini bertujuan melestarikan pembangunan model insan dalam pembangunan komuniti mualaf. Teras utama ke arah melahirkan mualaf berdikari berpaksikan nilai-nilai Islam dalam pembangunan modal insan. Modal insan dibangunkan dengan prinsip-prinsip yang berteraskan agama tetapi memerlukan olahan yang bijaksana bagi membentuk komuniti mualaf berdikari. Prinsip yang menjadi tunjang dalam pembangunan komuniti mualaf sendiri adalah dengan dua elemen utama iaitu spiritual dan material. Elemen pembangunan modal insan merupakan nadi utama dalam kerangka menjana sendiri komuniti mualaf. Pembangunan modal insan adalah modal terpenting yang perlu dibangunkan segala kapasitinya untuk menjana dan membangunkan komuniti mualaf secara menyeluruh.

Pada bab empat, penulis menghuraikan perkara taqlid yang didefinisikan oleh al-Amidi dalam *al-Ihkam* adalah satu istilah yang disebut bagi pengamalan yang bersandarkan pendapat orang lain tanpa disertai hujah. Dalam konteks ketuhanan, tuntutan utama terhadap seseorang mukalaf adalah makrifah Allah SWT, iaitu meyakini kewujudan dan keesaan Allah SWT. Konflik yang timbul adalah sesuatu keyakinan mesti diawali dengan berfikir (*nazar*). Namun, ianya mewujudkan konflik sampingan kerana tahap kemampuan berfikir setiap mukalaf adalah berbeza sehingga terhidang perbincangan khusus dalam kalangan ulama mengenainya. Dalam konteks Asha’irah sebagai aliran dalam Ahli Sunnah WalJamaah, pandangan-pandangan jumhur tokoh-tokohnya boleh dikatakan seiring dan saling lengkap-melengkapi. Namun, dalam konteks taqlid dalam akidah, Muhammad bin Yusuf al-Sanusi dilihat tegas dalam perbincangan taqlid. Bab ini telah menganalisis pemikiran al-Sanusi dalam perbincangan taqlid dan mendapati al-Sanusi cenderung mengatakan ketidakharusan bertaqlid dalam akidah.

Pada bab lima, penulis menonjolkan salah satu tema perbincangan berkaitan remaja yang merupakan aset penting dalam sebuah negara, malah remaja dilihat sebagai aset yang akan menerajui negara pada masa akan datang. Remaja yang mempunyai jati diri dan akhlak yang baik dilihat memberi keuntungan kepada pembinaan generasi akan datang serta penentu kestabilan negara pada masa hadapan. Membentuk remaja memerlukan ketekunan dan garis panduan yang tepat dalam aspek pendidikan. Kaedah pendidikan yang tepat akan menjadikan remaja dibentuk dengan akhlak yang mulia serta mampu

membentuk jati diri yang bertepatan dengan nilai-nilai akhlak Islam. Aspek yang lebih utama dalam pendidikan tidak hanya fokus kepada nilai gred dalam peperiksaan sahaja, malah lebih utama adalah melihat kepada nilai akhlak terpuji dalam diri remaja agar tidak terlibat dengan masalah sosial. Pengajian turath dilihat sebagai salah satu bentuk pengajian yang memberi penekanan terhadap pembentukan akhlak remaja dengan pembangunan silibus, kaedah penyampaian ilmu serta sistem yang dibangunkan. Namun, berdepan dengan kepesatan teknologi, pengajian turath tidak terkecuali dalam menghadapi cabaran pendidikan. Bab ini telah menganalisis cabaran persekitaran sosial dalam membentuk akhlak remaja yang mengikuti pengajian turath. Hasil kajian mendapati cabaran utama dalam membentuk akhlak remaja ialah aspek tauladan, pemerhatian dan peniruan, kelaziman dan kebiasaan, ganjaran dan denda serta nasihat. Hasil kajian ini dilihat memberi impak kepada institusi pengajian turath dalam membentuk akhlak remaja dengan fokus kepada cabaran bagi memaksima kepelbagaian teknik dan pendekatan dalam pendidikan supaya memberi kesan terhadap diri remaja.

Pada bab enam, penulis berhujah tentang dunia kontemporari yang sedang menghadapi perkembangan yang besar dan cepat dalam kehidupan masyarakat dan peradaban manusia. Kepesatan sains dan teknologi menjadi pemacu kepada perkembangan sosial manusia. Sosialis Primitif adalah salah satu isu kepada perkembangan ini, namun istilah ini kelihatan sangat asing dalam masyarakat umat Islam. Oleh itu penulisan bab ini sedikit sebanyak ingin mengupas pandangan Ali Syariati berkaitan Sosialis Primitif agar korpus ilmu sosiologi Islam tidak kering dan terasing dari perbincangan dasawarsa. Sumber utama adalah tulisan Ali Syariati sendiri iaitu *Paradigma Kaum Tertindas Sebuah Kajian Sosiologi Islam*. Analisis mendapati Ali Syariati menggunakan naratif sejarah dalam perbincangan Sosialis Pramatif dan menggambarkan Islam tidak asing malah lebih awal melalui perkembangan sosiologi antara lain menyentuh Sosialis Primitif.

Pada bab tujuh, penulis menumpukan perbincangan berkaitan Coronavirus Disease 2019 atau dikenali sebagai Covid-19 telah diisytiharkan oleh World Health Organisation (WHO) sebagai suatu penyakit global mula memasuki Malaysia dengan kes yang pertama dikesan positif pada tarikh 3 Februari 2020. Sehingga 10 November jumlah keseluruhan yang positif Covid-19 adalah seramai 42,919 orang. Manakala jumlah kematian mencecah seramai 306 orang iaitu 0.7%. Pelbagai pendekatan sedang dan telah dilaksanakan oleh pihak berwajib untuk menangani wabak ini melalui pelbagai pendekatan samaada melalui kaedah saintifik, bantuan pemulihan ekonomi ataupun penguatkuasaan undang-undang. Kertas kerja ini memfokuskan peranan akidah dalam menghadapi penyebaran Covid-19 bersandarkan hujah al-Quran, Hadis dan sumber yang sahih daripada ulama yang muktabar. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat muslim seharusnya perlu sentiasa bergantung harap kepada

Allah SWT' dengan penuh kerendahan hati disamping mengikut saranan kerajaan dalam menghadapi pandemik Covid-19 ini.

Rumusannya, penulisan buku ini khususnya disediakan sebagai rujukan bagi penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi, dan amnya pembacaan ilmiah untuk masyarakat. Ia memberi pendedahan berkaitan pelbagai wacana dalam disiplin ilmu pengajian Islam yang diolah berdasar sumber ambilan yang sah. Semoga perkongsian ilmiah yang mencakupi pelbagai disiplin ilmu pengajian Islam dalam buku ini akan membantu menyelitkan kefahaman dalam jiwa pembaca, memberikan pencerahan maklumat dalam usaha memahami ajaran Islam bagi mendepani cabaran dunia baru era mendatang.

BAB 1

RISIKO PENYALAHGGUNAAN GAJET DALAM JENAYAH SEKSUAL PEDOFILIA: SATU ANALISIS PAKAR

Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir,
Syarul Azman Shaharuddin & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Dunia masa kini menyaksikan perubahan dan perkembangan sumber teknologi moden. Pelbagai bentuk inovasi dan ciptaan berteknologi tinggi dihasilkan sehingga memberi impak kepada kepesatan pembangunan teknologi canggih yang membawa dunia ke alaf baru. Kepesatan perkembangan teknologi moden ini telah memberi kesan yang amat besar dan mengubah landskap kehidupan manusia sejagat tanpa mengira peringkat usia. Malah, perkembangan teknologi yang cukup pesat dewasa ini juga menyebabkan sarjana turut memecahkan agihan masyarakat berdasarkan kepada penguasaan teknologi (Che Su & Nan Zakiah, 2014).

Jumlah pengguna Internet di negara ini menunjukkan peningkatan kepada 25.08 juta pengguna, mewakili 79 peratus penduduk Malaysia. Daripada jumlah berkenaan 75 peratus menggunakan perkhidmatan media sosial dan memperuntukkan purata tiga jam sehari di laman media sosial. Kajian terbabit adalah sebahagian daripada hasil Laporan Digital 2018 yang dikeluarkan Hootsuit dan We Are Social. Laporan berkenaan turut mendedahkan jumlah pengguna Internet meningkat sembilan peratus berbanding tahun lalu, menjadikan Malaysia sebagai negara ke-9 dunia paling aktif di laman sosial.

Rezki Perdani Sawai et al. (2009) mendapati bahawa kehidupan masa kini telah dipengaruhi oleh teknologi moden dan masyarakat terbudaya dengan media yang mana kebanyakan ideologi budaya dan penerapan nilai diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain melalui media seperti televisyen dan internet.

Maklumat Internet yang mudah dicapai dan diakses menyebabkan pengguna terutama golongan remaja sekolah mampu mencari maklumat apa sahaja tanpa batasnya dengan satu “klik” tanpa merujuk pada sesiapa. Hal ini lebih membimbangkan apabila sikap remaja yang suka mengambil tahu dan

mahu mencuba sesuatu yang baru menyebabkan mereka mampu mengaksesnya dengan begitu mudah dan pantas (Hassan, Rashid & Shahrina, 2012).

Risiko Penyalahgunaan Gajet Dalam Ketagihan Seksual

Kehidupan hari ini sarat dengan teknologi dan agak janggal sekiranya seseorang itu menolak perkembangan teknologi terkini misalnya penggunaan telefon bimbit, komputer atau tablet. Kecanggihan teknologi tidak dapat dinafikan kerana ia mempunyai banyak kebaikan dan memudahkan urusan seharian terutama dalam urusan komunikasi, menyiapkan tugas, alat pembelajaran atau penghantaran dokumen secara pantas. Biarpun begitu, teknologi turut mempunyai keburukannya jika disalah guna oleh mereka yang tidak bertanggungjawab, selain menjadi sumber yang mampu memberi kesan negatif (Faizatul Farlin, 2015).

Justeru itu, pengkaji membahaskan dua bentuk risiko penyalahgunaan gajet yang mendorong kepada ketagihan seksual dan jenayah pedofilia, iaitu penyalahgunaan gajet yang mengakibatkan ketagihan porno dan gajet sebagai modus opreandi pedofil dalam mendekati mangsa.

Ketagihan Porno

Menurut Pengarah *Love Myself Campaign* Dr. Shamsuriani Md Jamal, statistik global yang dikeluarkan laman web lucu di Amerika Syarikat baru-baru ini menyebut Malaysia antara negara paling tinggi di Asia yang menonton sumber pornografi. Malah daripada statistik itu, kaum wanita negara ini dikatakan mendahului kaum lelaki. Di Malaysia, telah dilakukan kaji selidik membabitkan kelompok remaja 13 hingga 17 tahun pada 2015 dan 2016. Pada 2015, kaji selidik terhadap 70 responden dan 2016 pula membabitkan 377 responden. Bagaimanapun, kedua-dua kaji selidik menunjukkan hasil dapatan hampir sama. Kira-kira 80 peratus daripada responden mengakui terdedah kepada bahan pornografi. Separuh daripada jumlah itu pula mengaku secara sengaja dan 50 peratus lagi mengaku tidak sengaja (Intan Mas Ayu, 2017).

Antara isu yang berbangkit pasca covid-19 yang boleh dikaitkan dengan pedofilia ialah berkenaan peningkatan kadar purata view laman web lucu di internet *Pornhub* Malaysia. Sejak wabak Covid-19 diisytiharkan pandemik, kerajaan Malaysia terus mengamalkan langkah berjaga-jaga bagi mengekang penularan virus ini daripada terus berleluasa, dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pun diarahkan sejak 18 Mac. Maka, semua rakyat Malaysia pun disuruh dan disarankan untuk terus berada di rumah dan jangan keluar. Oleh itu, rakyat Malaysia dikatakan mempunyai terlampau banyak masa terluang, sehinggakan trafik laman web *Pornhub* di Malaysia meningkat naik semenjak PKP dilaksanakan. *Pornhub* merupakan laman pornografi terkemuka, dan ini

terbukti selepas sebuah statistik dikeluarkan oleh laman porno terbesar dunia ini. Kajian yang dilakukan dari pihak mereka baru-baru ini, Malaysia berada pada tangga keempat dengan peningkatan carian sebanyak 84 peratus (“Trafik Pornhub di Malaysia Mencanak Naik Sehingga 84% Sejak PKP”, 2020). Dalam sesi temubual, pakar bersetuju bahawa pornografi adalah faktor terbesar yang mempengaruhi ketagihan seksual (Geshina Ayu Mat Saat, 2019):

“Temuramah dengan penghuni penjara yang menjalankan pelbagai hukuman jenayah seksual menunjukkan mereka mengajak atau bersama menonton bahan-bahan lucu dengan kanak-kanak atau sasaran mereka. Sesetengah daripada penghuni penjara mengaku mempunyai sejarah pendedahan dan ketagihan pornografi.”

Di samping itu, pengkaji telah menemubual sepuluh responden di penjara Kajang, dan tujuh dari sepuluh banduan mengaku bahawa keterlibatan mereka dalam jenayah pedofilia di dorong oleh ketagihan terhadap video porno (Pesalah, 23 Jun 2020). Rentetan dari kebiasaan melihat video porno akan memberi rangsangan seksual yang tinggi sehingga terkadang akan menghilangkan kewarasan dalam menentukan perkara baik dan buruk, kerana mata merupakan sumber utama bagi rosaknya hati, seperti yang dikatakan oleh sebagian ulama Salaf, bahawa pandangan mata itu adalah panah beracun yang menembus hati. Maka Allah SWT memerintahkan agar kemaluan dipelihara, sebagaimana Dia memerintahkan agar pandangan mata dipelihara, sebab pandangan mata merupakan jendelanya hati (Ibnu Kathir, 2000/10: 212).

Ketagihan porno boleh bermula dari sekadar melihat gambar-gambar separuh bogel di majalah, televisyen, facebook, dan seterusnya membawa rangsangan seksual kepada tahap yang lebih dasyat, iaitu melayari laman porno (Abur Hamdi & Muhammad Fakhur Razi, 2019). Dalam Islam, melihat wanita yang bukan mahram tanpa sebab syarak sahaja sudah dianggap satu dosa (al-Nawawi, 1996). Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 30 dan 31:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman, "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat."

Imam Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al-Qurtubi (w. 1273 M), ketika mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa Allah SWT mengawali dengan menahan pandangan baru kemudian memelihara

kemaluan, sebab pandangan adalah pemimpin bagi hati, sebagaimana demam adalah pemimpin bagi kematian.

Ayat ini menunjukkan bahawa remaja lelaki yang melihat wanita dan sebaliknya tanpa tujuan syarak boleh mendorong mereka kepada keinginan syahwat. Ayat ini menjelaskan bahawa dengan melihat wanita yang menutup aurat sekalipun masih boleh mendorong remaja lelaki dan remaja wanita cenderung kepada keinginan syahwat, maka dorongan syahwat yang lebih dahsyat boleh berlaku jika seseorang remaja lelaki atau wanita melihat wanita dan lelaki yang sedang berbogel dan sedang melakukan aksi lucah. Justeru, pengharaman melihat bahan pornografi lebih berdosa daripada hukum melihat wanita itu sendiri (Kamarul Azmi, 2017).

Perbuatan zina ini meliputi seluruh anggota manusia sesuai dengan hadis dari Rasulullah SAW yang bersabda:

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزَّيْنَاءِ، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَرَيْنَا الْعَيْنَ النَّظْرُ، وَزَيْنَا اللِّسَانَ الْمُنْطِقُ، وَالتَّنْفُسُ تَمَنَّى وَتَشْتَهَى، وَالْفَرْحُ يُصَدِّقُ ذَلِكَ أَوْ يُكَذِّبُهُ»

[al-Bukhari, *Sahih Bukhari, Kitab al-Qadr, Bab haram ala Qurbatu ablahknaha Annahum la Yarji'un*, No hadis 6612]

Maksudnya:

Berkata Abu Hurairah daripada Nabi SAW: “Sesungguhnya Allah SWT telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya.”

Muhammad ibn Muslim ibn Ubaydullah ibn Shihab al-Zuhri (w. 741 M) berkata tentang memandang wanita yang belum haid, ‘tidak patut memandang mereka sedikit pun, iaitu wanita yang dikehendaki untuk dilihat, meskipun dia masih kecil. Abu Muhammad Atha bin Abi Rabah Aslam bin Shafwan (w. 115 H) menganggap makruh melihat anak perempuan yang masih kecil, yang menjajikan sesuatu di Mekah, kecuali bila hendak membeli sesuatu (al-Qurtubi, 2009: 12).

Modus Operandi

Umumnya, kemudahan teknologi hari ini telah menjadi penyumbang kepada peningkatan kes jenayah dari pelbagai sudut. Dan pendekatan modus operandi yang digunakan oleh pedofil ialah dengan menggunakan internet sebagai medium pengumpulan maklumat mangsa, dan seterusnya membina kepercayaan

mangsa melalui hubungan *friendship* di laman sosial, seperti *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya.

Keberadaan gajet pada hari ini memberi impak positif dan negatif terhadap masyarakat, jurang internet yang semakin luas dan semakin murah memberi kesan terhadap jurang komunikasi dua hala yang lebih luas kepada masyarakat. Sehingga pada hari ini komunikasi boleh berlaku di antara dua negara dengan manfaat internet sedia ada. Namun dalam segelintir perkara ianya menjadi alat bagi sesetengah individu dan kumpulan mengambil kesempatan bagi menyebarkan mesej-mesej lucah bagi tujuan dan motif tertentu (Abur Hamdi & Muhammad Fakhrrur Razi, 2019).

Pakar kriminologi, Nadiah Syariani Md Shariff mendedahkan tindakan ibu bapa yang memuat naik gambar anak dalam keadaan terlalu terdedah di media sosial menjadi antara punca peningkatan jenayah pedofilia. Menurutnya, tindakan ibu bapa tersebut mengundang penghendap dalam kalangan pelaku pedofilia sekali gus kanak-kanak tersebut berisiko menjadi mangsa. Ibu bapa sekarang gemar memuat naik gambar kanak-kanak separa berpakaian, memuat naik video atau live stream aktiviti rutin dan harian kanak-kanak. Mereka mungkin tidak sedar tindakan itu akan menyumbang kepada jenayah pedofilia. Selain itu, menurut Nadiah Syarini, pelaku pedofilia juga sering mencari mangsa 'mudah' untuk melakukan jenayah mereka. Antara ciri-ciri mangsa yang mudah diperdaya ialah kanak-kanak yang kurang pengawasan ibu bapa, penjaga atau orang dewasa (Nurulatiq Ahmad Bandi, Nor Ainna Hamzah & Zakhwan Nazaraly, 2019).

Salah satu modus operandi yang digunakan oleh pemangsa dalam mencari mangsa yang sesuai adalah melalui proses *grooming*. Jelas Nadiah, pemangsa akan memprofil kanak-kanak terdahulu dan mendapatkan maklumat tentang latar belakang kanak-kanak, kegemaran, hobi dan mencari apa yang boleh digunakan untuk mengumpun atau mendapatkan kepercayaan mangsa sebelum memanipulasi kanak-kanak tersebut untuk tujuan seksual. Malah, kemajuan teknologi sekarang lebih memudahkan pemangsa untuk mendekati mangsa melalui ruang bual yang terdapat dalam permainan video, media sosial dan kebanyakan aplikasi teknologi terkini (Nurulatiq Ahmad Bandi, Nor Ainna Hamzah & Zakhwan Nazaraly, 2019).

Satu temubual bersama pegawai penyiasat di bawah divisyen 11 iaitu siasatan jenayah kanak-kanak dan wanita Polis Diraja Malaysia ASP Nur Elyanis Mohd Yusoff memberikan respond beliau terhadap taktik dan strategi modus operandi menggunakan gajet dan laman sosial:

“Mesej lucah adalah antara modus operandi individu dan kumpulan tertentu untuk mengeksploitasi kanak-kanak: Kalau kita tengok la sekarang ni banyak trend melibatkan cyber, medium internet, telefon bimbit, yang mana. Baru tadi saya dapat kes di Kelantan, dia bercinta dengan satu lelaki, kemudian mangsa ni telah menghantar gambar separuh bogel daripada payu dara ke muka, gambar tu pulak dia pergi share dengan kawan baik dia, so dia gaduh dengan kawan baik dia, dan disyaki kawan baik dia telah sebarakan benda tu.

So ini adalah trend jenayah kini, di mana suspek itu berumur 20 an, sedangkan kanak-kanak ini berumur 14 tahun. So boleh nampak tak, dia tak perlu pun nak, sebab pedofilia itu sendiri dia tak de kata umur berapa, betul tak? Dewasa dengan kanak-kanak, so 20 tahun 20an dewasa tak? Dewasa la kan as long dia bukan 18 tahun dan bukan kanak-kanak. dan dia berhubungan cinta dengan mangsa yang berumur 14 tahun, kemudian dia minta, mestilah dia minta, takkan budak tu saja-saja nak bagi, kalau ikut secara logiknyanya la, kalau sayang bagi la gambar apa semua. So ini adalah trend kinilah yang saya boleh kata, memang banyak kes” (Nor Elyanis Mohd Yusoff, 17 April 2019).

Internet menyediakan perlindungan ideal untuk pemangsa seks dalam talian yang mencari mangsa yang berpotensi. Malah, *anonymity* dalam ruang siber menjadikannya sukar untuk difahami jika individu yang berhubungan dengan orang muda adalah benar-benar apa yang dikatakannya atau tidak. Akibatnya, internet boleh menjadi ruang yang ideal untuk pedofilia untuk mendekati kanak-kanak sama seperti pedofil yang lain (Capra, Forresi & Caffo, 2014). Satu sudut pandangan untuk mempertimbangkan pedofilia atas talian (atau lebih umum, pesalah seksual atas talian) seperti apa yang berlaku apabila pedofilia tradisional mempunyai akses ke Internet: individu yang dahulunya akan mencari pornografi kanak-kanak di majalah, kini mengaksesnya secara dalam talian. Demikian juga, perbualan dan rangkaian sosial membolehkan pemangsa menghubungi kanak-kanak dengan cara yang lebih mudah daripada sebelumnya (Capra, Forresi & Caffo, 2014).

Semasa pertemuan bersemuka yang dilaporkan oleh seramai 1,005 kanak-kanak, 5% mengalami sama ada gangguan lisan, fizikal atau seksual termasuk 13 lelaki dan lima perempuan dilaporkan dipaksa melakukan hubungan seksual. Kajian yang dijalankan di Indonesia mendapati kes jenayah seks terhadap kanak-kanak telah meningkat kepada 12 peratus dan dijangkakan disebabkan oleh kemudahan untuk mengakses laman sesawang pornografi (Rosyadi, 2016). Lebih merisaukan, anak-anak muda di Malaysia juga cenderung untuk melayari laman sesawang pornografi. Beberapa pengkaji berpendapat bahawa remaja di Malaysia melayari internet untuk bersembang, menonton pornografi siber dan bermain permainan ganas atas talian (Hamid & Shiratuddin, 2016).

Kesimpulan

Penggunaan gajet mendedahkan kanak-kanak terhadap jenayah pedofilia, ini kerana wujud jurang komunikasi dua hala yang meluas antara mangsa dan pemangsa. Malah ibu bapa juga sering memuatnaik gambar separa bogel anak-anak di laman sosial, dan ini membuka ruang dan peluang kepada pedofil untuk melakukan pemerhatian dan penyiasatan terhadap lokasi mangsa. Di samping itu, penagawasan dan pengawalan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak perlu dibendung dan diselia sebaik mungkin, ini kerana wujud banyak mekanisma yang akan mendorong kepada tingkahlaku negative anak-anak sama ada di

waktu sekarang atau memberi kesan pada masa depan. Oleh itu, beberapa dapatan telah digarap bagi menterjemahkan risiko penyalahgunaan gajet dalam masyarakat di Malaysia.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2018. No Geran: 2018/RC/GPIK-INHAD/003, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk *Psikoterapi Qurani dan Nabawi Bagi Pemulihan Salah laku Pedofilia Di Malaysia*.

Rujukan

- “Trafik Pornhub di Malaysia Mencanak Naik Sehingga 84% Sejak PKP”. (2020). Glam Lelaki. Retrieved 17 August 2020 from: <https://glamlelaki.my/gaya-hidup/trafik-pornhub-dimalaysia-mencanak-naik-sehingga-84-sejak-pkp/>.
- al-Qurtubi. (2009). *Tafsir al-Qurtubi*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Capra, G.A., Forresi, B. & Caffo, E. (2014). Current scientific research on paedophilia: a review. *Journal of Psychopathology*, 20, 17-26.
- Che Su Mustafa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu Analisis Kualitatif. *Malaysian Journal of Communication*, Jilid 30 (Special Issue) 2014, 43-74.
- Geshina Ayu Mat Saat. (2019). Temu bual bertulis. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. *Temu bual*, 9 Julai.
- Hamid, R. & Shiratuddin, N. (2016). Filtering violence and sexual content: The necessities of digital games content rating system for Malaysia’s environment. *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*, 8(8), 83–89.
- Hassan, J., Rashid, R. S. R. A., & Shahrina, R. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 23-43.
- Ibn Kathir, A. F. (2000). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Kaherah: Maktabah Aulad Syeikh lil Turath.
- Illi Hadri Khalil. (2018). *Malaysia negara ke-9 paling aktif media sosial, ke-5 paling ramai guna e-dagang*. Refer to Astro Awani Online at 2020 February 20. From: <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke9-paling-aktif-media-sosial-ke5-paling-ramai-guna-edagang-laporan-166998>.
- Intas Mas Ayu. (2017). *Statistik mengejutkan*. Refer to Harian Metro Online at 2020 Mac 25. From: <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/256820/statistik-mengejutkan>

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). *Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya in Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*. t.tp.: t.pt.
- Nurulatiq Ahmad Bandi, Nor Ainna Hamzah & Zakhwan Nazaraly. (2019). *Memuat naik gambar anak di media sosial itu penyumbang*. Retrieved 9 April 2019 from: <https://www.gpsbestari.com/berita/memuat-naik-gambar-anak-di-media-sosial-itu-penyumbang-pakar-kriminologi-1.924777>.
- Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah & Dini Farhana Baharudin. (2009). Penerapan nilai-nilai Islam melalui penggunaan media dalam pendidikan. *Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST 2009)*. 21-22 Julai. Hotel Equatorial, Bangi.
- Rosyadi, K. (2016). The stupid libido: searching for the root causes of sexual violence against children in Indonesia. *Proceeding of ICECRS*, 1, 549–558. Retrieved June 10, 2019 from <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/524>.

BAB 2

METODOLOGI DAKWAH KH MAIMUN ZUBAIR DALAM DAKWAH ISLAM

Noor Hafizah Mohd Haridi¹, Zainora Daud², Hayati Hussain² & Farah Nasihah Roslan¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pengenalan

Tanggungjawab para ulama sangat besar dalam menyebarkan agama Islam kepada masyarakat. Ulama berperanan mengubah kehidupan masyarakat ke arah kebaikan serta memudahkan Sumbangan ulama Melayu dalam bidang dakwah banyak memberi pengaruh dan kesan terhadap perkembangan Islam di Nusantara. Pelbagai usaha dilakukan demi mempertahankan gerakan dakwah di Nusantara agar ajaran Islam tetap sampai kepada umatnya. Karya-karya yang dihasilkan mereka juga dijadikan sebagai bahan bacaan, rujukan, serta kajian dalam usaha menyebarkan ajaran agama kepada seluruh umat Islam khususnya masyarakat Islam masyarakat dalam memahami, mempelajari serta mendalami ilmu agama Islam daripada pelbagai aspek. Ini bertepatan dengan tuntutan syarak yang menyuruh umatnya supaya menuntut ilmu demi kesejahteraan dan kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat.

Seorang lagi ulama nusantara yang berasal daripada Sarang, Rembang, Jawa tengah Indonesia yang turut mewarnai arena dakwah di nusantara adalah Haji Maimun Zubair. Disebabkan ketokohnya yang begitu disanjung masyarakat nusantara, penulis ingin menonjolkan biografi, ketokohan, kewibawaan, sumbangan, metodologi serta ketinggian ilmu tokoh ini di dalam perkembangan dakwah di nusantara. Kredibiliti beliau wajar diteladani dan dijadikan contoh kepada generasi hari ini dan akan datang. Tokoh ini wajar diangkat dan dijadikan inspirasi kepada para pengkaji dan para penuntut ilmu dalam bidang dakwah termasuklah dengan mempelajari karya-karya beliau antaranya, al-Ulama al- Mujaddidun.

Terdapat ramai ulama dan tokoh nusantara yang memberi sumbangan besar di dalam perkembangan agama Islam dan perkembangan dakwah di nusantara. Mereka menjadi rujukan masyarakat dan sumber di dalam pelbagai bidang agama antaranya bidang fiqah, bidang muamalat, bidang usuluddin, bidang hadis dan sebagainya. Akan tetapi, masih ramai tokoh agamawan di nusantara yang masih belum dikenali dengan lebih dekat oleh masyarakat Islam

keseluruhannya. Jadi kajian terperinci tentang biografi serta ketokohan para ilmuwan dan agamawan wajar diperbanyakkan untuk membuka mata masyarakat Islam di nusantara untuk mengenali mereka dengan lebih mendalam dan seterusnya mendalami dan mempelajari ilmu yg mereka miliki, termasuklah dengan mempelajari karya-karya mereka yang dihasilkan untuk menyampaikan dakwah Islam ke serata dunia. Pengorbanan dan jasa mereka kepada agama Islam sangatlah besar sehingga keilmuwan mereka kadangkala mampu mengangkat kejahilan yang berlaku dalam sesuatu perkara. Tulisan ini akan menjelaskan dapatan kajian berhubung metodologi dakwah Haji Maimun Zubair di dalam menyampaikan dakwahnya kepada masyarakat.

Biografi Haji Maimun Zubair

Nama sebenar beliau ialah Haji Maimun Zubair atau lebih mesra dengan panggilan 'Mbah Moen' di Nusantara. Beliau merupakan seorang ulama yang dilahirkan di daerah Sarang, Rembang, Jawa Tengah pada tanggal 28 Oktober 1928 atau khamis pada bulan Sya'ban tahun 1347 H atau 1348H . Maimun Zubair merupakan anak lelaki pertama kepada pasangan Kiai Zubair Dahlan dan Nyai Mahmudah. Ibunya adalah anak perempuan kepada Kiai Ahmad bin Syu'aib, iaitu pengasas sebenar pesantren Al-Anwar yang akhirnya diwariskan kepada Maimun Zubair (Maftukhin, 2019).

Jejak langkah Maimun Zubair mendalami ilmu agama Islam merupakan inspirasi daripada ayahnya yang juga merupakan seorang ulama besar di nusantara, iaitu almarhum Almaghfur Kiai Haji Zubair Dahlan. Kiai Haji Zubair Dahlan adalah murid yang berguru dengan ulama besar Syaikh Sa'íd al-Yamani serta Syaikh Hasan al-Yamani al-Makky. Keluasan ilmu ibu bapanya, menjadikan Maimun Zubair seorang ilmuwan yang mempunyai asas agama yang kuat sejak daripada kecil.

Semasa hidupnya, Maimun Zubair memenuhi waktu lapang dengan mengajar di Pondok Pesantren al Anwar yang juga lokasinya berada di Sarang, Rembang Jawa Tengah. Maimun Zubair dididik oleh ayahnya sejak dari kecil. Ayahnya merupakan guru utamanya. Beliau mempelajari ilmu-ilmu Islam dengan baik. Bahkan saat remaja, Maimun Zubair sudah menghafal pelbagai kitab seperti al-Jurumiyyah, al-Imrithi, Alfiiyyah Ibnu Malik, Matan Jauharot Tauhid, Sullamul Munauroq, dan banyak lagi. Pada tahun 1945, Maimun Zubair menimba ilmu di Pondok Pesantren Lirboyo Kediri. Saat itu, usianya baru mencapai umur 17 tahun. Ia dididik oleh para ulama di Lirboyo, antaranya Kiai Haji Abdul Karim atau Mbah Manab, Kiai Mahrus Ali, juga Kiai Marzuki.

Maimun Zubair adalah seorang ilmuwan yang sering menjadi tumpuan dan rujukan kepada setiap permasalahan besar yang dilalui oleh masyarakat baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Bahkan di dalam peristiwa-peristiwa penting di Indonesia, seperti pemilihan presiden Indonesia tahun 2019, Maimun Zubair menjadi tumpuan permasalahan rakyat Indonesia.

Para ulama meletakkan beliau sebagai waliyullah akhir zaman yang menjadi penerang kepada seluruh umat. Hal tersebut telah menjadikan Maimun Zubair seorang ulama yang sering diangkat oleh masyarakat.

Pengertian Metodologi Dakwah

Metodologi berasal dari perkataan metode, manakala dari sudut bahasa berasal dari Bahasa Greek iaitu *meta* bermaksud dengan dan odos bermaksud jalan. Oleh sebab itu, metode bermaksud dengan jalan atau dengan cara (Nazaluddin, 1974: 33). Merujuk kepada beberapa perkataan dalam bahasa Arab seperti *uslub*, *manhaj* dan *wasilah* dilihat mempunyai maksud yang sangat dekat dengan metode. *Uslub* ialah jalan dan cara membentuk, cara menggunakan sesuatu atau cara tertentu untuk melakukan sesuatu pekerjaan (al-Zain, 1985: 352). Mengikut istilah dalam dakwah, *uslub* dakwah ialah penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk tertentu (Nawfal, 1977: 189).

Dari sudut peristilahan biasa dalam dakwah, *uslub* dakwah ialah penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk tertentu (Nawfal, 1977: 189). Jika *uslub* bererti cara membentuk, cara menggunakan sesuatu atau cara-cara tertentu untuk melakukan sesuatu pekerjaan (al-Zain 1985: 352), maka *uslub* dakwah bererti cara melakukan dakwah. Manakala *manhaj* atau *minhaj* bererti jalan terang atau jalan nyata (al-Marbawi, 1350: 348). Menurut *Kamus Munjidu al-Abjadi* (1986: 1095) pula *manhaj* bermaksud jalan yang jelas. Adapun *wasilah* bererti media atau saluran penyampaian kandungan dakwah yang antaranya melalui media massa (Nawfal 1977: 189). Bagi Ghalus, wasilah bukan sahaja bermakna saluran tetapi lebih memberi erti uslub itu sendiri. Selain daripada bererti saluran, *wasilah* juga bererti *uslub* atau cara penyampaian kandungan (Ghalus 1972: 275).

Perkataan dakwah mengikut Syeikh Ali Mahfuz berasal dari bahasa Arab iaitu yang bermaksud seruan, panggilan dan jemputan. Pengertian dakwah dari sudut istilah ialah mendorong manusia untuk melakukan kebaikan dengan menyuruh kepada ma'rif dan mencegah kepada kemungkaran supaya mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat dengan cara hikmah dan bijaksana untuk mengikut petunjuk Allah SWT dan Rasulullah SAW (Ghazali Darusalam, 1996). Dalam *Kamus al-Marbawi* dakwah bermaksud seruan (Al-Marbawi, 1350: 203). Kamus *Munjidu at-Tullab* mendefinisikan dakwah sebagai seruan, menggemarkan padanya dan meminta kesediaannya. Di dalam maksud lain, dakwah boleh didefinisikan dengan maksud seru, panggil dan ajak (Anon, 1986: 200). Wan Hussein Azmi (1984: 3) memberi beberapa istilah yang sinonim dengan dakwah iaitu merujuk kepada nabi Muhammad SAW antaranya "basyir" yang membawa maksud pembawa berita gembira iaitu syurga kepada orang yang beriman. Dakwah mengikut pendefinisian Yusuf al-Qaradhawi adalah sebagai usaha untuk membawa orang lain kepada agam Islam supaya mengikut petunjuk agama Islam, melaksanakan segala ketetapanannya di muka bumi ini,

mengkhususkan segala bentuk penghambaan diri, permohonan dan taat hanya kepada Allah SWT, melepaskan diri daripada segala kongkongan yang selain daripada Allah SWT yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang lain yang telah ditentukan oleh Allah SWT, menyeru kepada kebaikan dan mencegah segala kemungkaran dan berjihad pada jalannya (Ab. Aziz Mohd Zain, 1997). Dakwah menurut Ra'uf Shalabi adalah merupakan gerakan yang membawa masyarakat daripada kekufuran kepada keimanan, kegelapan kepada cahaya dan kesempitan kepada keadaan lapang di dunia dan akhirat (Ab. Aziz Mohd Zain, 1997).

Metodologi Dakwah KH Maimun Zubair

Metodologi dakwah merupakan antara elemen yang paling penting untuk dititikberatkan di dalam penyampaian dakwah. Ia menekankan tentang kaedah yang digunakan oleh para pendakwah di dalam menyampaikan dakwah tersebut. Metode atau kaedah ini perlu diperhalusi agar ia dapat menjamin keberkesanan di dalam usaha dakwah tersebut. Pemilihan metode yang tepat akan memberi kesan positif kepada penyebaran agama Islam yang lebih luas dan lebih sampai kepada mad'u. Allah SWT telah memberi panduan asas kepada manusia dalam berdakwah. Antara elemen yang ditekankan di dalam surah Nahl ayat 125 ialah, berdakwah dengan hikmahnya, memberi nasihat yang baik dan berbincang dengan baik. Berdasarkan elemen tersebut, dapat difahami bahawa hikmah adalah bermaksud kebijaksanaan daripada Allah SWT. Menurut ahli tafsir Sheikh Abdullah Basmeih, hikmah adalah dengan memberi penjelasan yang tepat dan betul, berdasarkan dalil dan bukti yang menerangkan kebenaran dan menghapuskan kekeliruan (Rashid, 2014)

Penulis berpeluang menemu bual Ustaz Ahmad Levi yang merupakan pengkaji ulama-ulama nusantara, yang kini sedang melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di peringkat PHD. Beliau berasal daripada Jakarta, Indonesia dan beliau bergiat aktif di dalam pelbagai penyelidikan yang berkaitan dengan tokoh-tokoh ulama di Indonesia. Berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan, responden telah berkongsi banyak fakta tentang tokoh kajian penulis, iaitu Almarhum Haji Maimun Zubair, dari segi biografi, sifat-sifat peribadi beliau, penglibatan beliau di dalam dakwah dan politik, sumbangan beliau, pendekatan dan metodologi beliau di dalam penyampaian dakwah.

Nabi Muhammad SAW ketika berdakwah, baginda akan mengaplikasikan elemen-elemen yang disebut oleh Allah SWT dalam surah An-Nahl tersebut. Begitu juga yang dilaksanakan oleh Almarhum Haji Maimun Zubair di dalam dakwahnya. Beliau menggunakan kaedah atau metode yang disebut di dalam Al-Quran bagi menarik manusia ke arah Islam. Berdasarkan hasil dapatan daripada temubual bersama Ustaz Ahmad Levi, metode yang digunakan oleh Haji Maimun Zubair adalah:

Al-Hikmah

Almarhum Haji Maimun Zubair menggunakan pendekatan dakwah *bil hikmah* di dalam menyampaikan dakwahnya melalui ceramah-ceramah beliau. Metodologi dakwah *bil hikmah* ini lebih terlihat apabila beliau menjadikan medan politik sebagai medium untuk menyampaikan dakwah. Beliau berpolitik untuk menyampaikan kebenaran di dalam agama. Hal ini adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam sesi temu bual bersama informan (UAL: 17:00/22/10/19):

“Kemudian hmm pada tahun 70 an tu ya, Mbah Moen ini, aktif di politik kan. Ia kan. Aktif di politik, itu bukan semata mata dia nak berpolitik, tidak. Jadi itu antara manbajnya dia. Antara manhaj dakwahnya, dia melalui politik. Gitu ya. Jadi tak semata mata mengajar gitu ya, tapi dia nak manfaatkan politik sebagai jalan untuk memudahkan dakwah. Itu tujuannya..ya.. (satu medium untuk sampaikan dakwah) yaa..begini ya. Kalau kita punya kekuatan politik, kita akan mudah untuk mengajak orang, kite takkan disekat orang, kita akan buat apa-apa jadi senang, itu tujuannya. Makanya dia berpolitik supaya dia punya kekuatan, untuk menjaga dia punya dakwah. Yaa.. Kemudian orang-orang lain pun boleh dapatkan manfaat daripada politik yang dia jalan itu. Ya itu tujuannya. Makanya dia itu. Dia jadikan politik sebagai satu aaa jalan untuk dakwahnya dia”

Di dalam ceramahnya, beliau menggunakan bahasa-bahasa yang lembut, bahasa yang sesuai, dan pemilihan perumpamaan yang baik. Selain itu beliau sering mengungkapkan pepatah pepatah yang memberi makna yang sesuai dengan apa yang ingin beliau sampaikan. Selain daripada itu, beliau juga mempunyai strategi yang baik di dalam usaha untuk menyampaikan dakwahnya. Antaranya ialah apabila beliau tetap mendekati parti yang berasaskan sekularis untuk sampaikan dakwahnya. Beliau juga meminta anaknya untuk bergabung dengan parti tersebut iaitu Parti Demokrasi Indonesia yang merupakan satu parti kontroversi yang memperjuangkan agenda sekularisme (UAL: 17:30/22/10/19):

“Jadi di jawa tengah, profinsi di mana dia tinggal tu, itu yang menguasai adalah parti Demokrasi Indonesia. Perjuangan partinya Megawati. Ya itu kubu kuatnya Megawati. Ya. Nabh orang parti Megawati ni dikenal dengan orang yang tak berapa suka Islam. gitu laa. dia hamper hamper macam sekularis la. Dia tak berapa suka sangat dengan Islam. Tapi Kiai Maimun Zubair ni, dia cuba dekati mereka. Dia cuba rapat dengan mereka. knape? itu salah satu manhaj dakwahnya. Dia tak suka bergaduh. Jadi kalau dia tampakkan permusuhan dengan geng-geng ni, nanti Islam makin terpinggir, makin tertindas makin susah nanti. maka pemilihan gabenor jawa tengah baru-baru ni, yang 2018, calon gabenor itu adalah Ganjar Pranovo. Ganjar Pranovo itu daripada parti Demokrasi Indonesia. Megawati punya parti. Maka dia datang kepada Kiai Maimun Zubair mintak sokongan.

Maka dijadikan anaknya Kiai Maimun Zubair, sebagai calon wakil gabenor. Jadi dua. Jadi gabungan antara parti Megawati dengan anaknya Kiai Maimun Zubair. Dan akhirnya jadi menang. Dia jadi Gabenor. Anak dia jadi wakil gabenor. Disuruh anaknya itu join benda tu. Walaupun pada pandangan sesetengah masyarakat..eh kenapa parti Kiai Maimun Zubair ni berkualisi dengan parti Megawati ya. Mereka tak berapa suka sangat..”

Gabungan antara parti Maimun Zubair ini menimbulkan persoalan daripada kalangan masyarakat Indonesia. Dan ternyata Maimun Zubair mempunyai strategi dakwahnya tersendiri. Apabila ditanya beliau menjawab (UAL: 17:40/22/10/19):

“Rupa-rupanya itu antara manhajnya Kiai. Sebab kalau bukan kita, kalau orang fasik yang jadi pemimpin, ya dibiarkan mereka fasik sendirian takde yang menasihati. Makin susah makin rosak nanti. Itu antara manhaj dakwahnya. Jadi disuruh anaknya sebagai wakil mendampingi Ganjar Pranovo sebagai gabenor. Ya.. tujuannya gitu. Mengurangkan kefasikan mengurangkan kemudhorotan yang boleh ditimbulkan oleh orang-orang fasik. Kan ade kaedab dalam usul fiqh. Darul maqasid muqaddamun ala jurmun masolih. Menolak kefasikan atau menolak kerosakan itu lebih diutamakan daripada mencari maslahat. Gitu. Maka dia. Dia sokong anak dia bergabung dengan parti yang sekularis. Jadi tujuannya itu. Supaya mengurangkan keburukan-keburukan yang boleh timbul ketikamana orang fasik jadi pemimpin. itu ya..”

Jadi hal ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa Maimun Zubair mempunyai kebijaksanaan dalam usaha beliau menyampaikan dakwahnya apabila beliau benar-benar menjadikan medan politik sebagai satu medium untuk berdakwah, Jika dilihat, keputusan untuk bergabung dengan parti sekularis bukanlah satu keputusan yang mudah kerana ia pasti mendapat tentangan dan kecaman daripada masyarakat Indonesia keseluruhannya. Tapi ternyata ini strategi beliau untuk berdakwah dan ia hanya boleh difahami setelah dijelaskan mengenai tindakan penggabungan tersebut.

Dakwah *Bil al-Hal*

Metode ini sentiasa digunakan oleh Maimun Zubair ketika beliau menyampaikan dakwah dalam ceramah dan kuliahnya. Hal yang demikian telah dijelaskan oleh responden dalam sesi temu bual berikut (UAL: 17:48/22/10/19):

“Dan kemudian selain bil hikmah wal mauizatul hasanah tu, dia jugak memberikan antaranya memberikan di antara metodologi dakwahnya ialah dakwah bilhal. Dakwah dengan sikap contoh perbuatan. bukan hanya cakap bicara tetapi perbuatan dia

mencontohkan contoh yang baik. Ataupun dakwah. dakwah secara perbuatan..dakwah bilhal..begitu..yaa..”

Berdasarkan kepada penjelasan responden ini, penulis mendapati bahawa beliau sentiasa mengamalkan sikap-sikap yang baik di samping berpesan dan menasihati perkara-perkara kebaikan di dalam setiap ceramahnya. Beliau bukan sahaja berdakwah dan berpesan-pesan di dalam kebaikan semata-mata, tetapi beliau juga mencontohkan setiap apa yang beliau sampaikan, iaitu melalui sikap-sikap yang terpuji dan akhlaq yang baik.

Strategi beliau di dalam berdakwah juga menunjukkan bahawa beliau mempunyai kesungguhan yang tinggi di dalam menyampaikan dakwah. Selain daripada itu, beliau juga menunjukkan akhlak yang baik dan pemilihan kata yang tepat di dalam ceramah atau kuliahnya, secara tidak langsung menunjukkan beliau melaksanakan metodologi dakwah bil hal ini dengan baik.

Dakwah *Bi Mau'izatu al-Hasanah*

Metode ini adalah metode yang sering menjadi prinsip Maimun Zubair di mana beliau sering memberikan nasihat-nasihat yang baik kepada pendengarnya. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik masyarakat untuk sentiasa mengikuti ceramah dan kuliah beliau pada setiap waktu. Beliau sentiasa memberikan nasihat yang baik kepada orang-orang yang mendengar ceramah beliau. Konsep mengajar (ta'lim) dan mendidik (tarbiyah) sentiasa diamalkan oleh beliau di dalam setiap pengisian ceramahnya di mana sahaja beliau berkuliah. Segala nasihat yang beliau sampaikan begitu banyak sehingga ada di kalangan penulis-penulis di Indonesia yang membukukan segala kata-kata nasihat dan pesanan daripada beliau untuk dijadikan teladan sepanjang kehidupan. Sepertimana yang dijelaskan oleh responden di dalam temubual tersebut (UAL: 20:05/22/10/19):

“Di antara pendekatan Kiai Maimun Zubair dalam berdakwah tu dia guna pendekatan yang sangat lembut, sangat berhemah gitu yaa. Dan dia tak pernah menerapkan kekerasan di dalam cara pengajarannya. tak pernah dia. lembut orangnya. lembut. Ada satu perkataan tu, yang diabadikan oleh murid muridnya. Kalau kamu mengajar, jangan mengharap orang yang kamu ajar tu jadi pandai. Gitu kata dia. Jangan berharap orang yang kamu ajar tu jadi pandai. Macam agak pelik kan. Kita ajar orang supaya pandai. Tapi kata dia jangan..kalau tujuannya supaya dia pandai, ketika dia tak pandai kamu akan marah dia. gitu.. Jadi kamu niatkan mengajar. Allah yang akan buat dia pandai bukan kamu. Tujuannya kita guru kita pun tak tension. Kita pun akan sentiasa jaga niat kita supaya jangan bangga diri..oo anak murid aku pandai gara gara aku. aa.. supaya kita jangan terlupa diri. lupa diri la.. jadi itu tujuannya. Jadi kalau kamu mengajar, niatkannya untuk menyampaikan ilmu sahaja. Dan jangan mengharap dia pandai. makanya..ketika dia mengajar tak pernah marah marah gitu. lembuuutt yaa..sebab yang punya ilmu kan Allah..kita hanya sampaikan saja..jadi begitu..jadi itu antara pendekatan dia ketika

mengajar..nabh satu lagi..dia jugak mementingkan yang namanya adab..ya dalam proses pembelajaran tu dia mementinglan yang namanya adab..ya..kenapa? antara sebab antara kejayaan ilmu adalah adab..”

Kesimpulan

Secara keseluruhan, metodologi yang digunakan oleh Almarhum Haji Maimun Zubair boleh dijadikan panduan kepada masyarakat khususnya terhadap pendakwah-pendakwah dalam mendekati pelbagai lapisan masyarakat. Sumbangan dan pengorbanan yang beliau berikan akan menjadi satu motivasi yang tinggi kepada masyarakat untuk terus berdakwah dan menyebarkan agama Islam dengan apa cara sekalipun.

Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zain. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiyah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah, B. (2000). *Pentadbiran Organisasi Dakwah Dalam Dakwah Dan Pengurusan Islam Di Malaysia Konsep Dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal. (1997). *al-Da'wah Ila Allah Ta'ala Khasaisuba, Muqawwamatuba, Manabijuh*. t.tp.: t.pt.
- Baharom, N. B. (1998). *Kamus Dewan Edisi 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- bakar, M. (1991). *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi Dan Undang-Undang Dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haddad, K. (2010). *12 Tokoh Pengubah Dunia*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Konting, M. M. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Long, A. S. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, UKM.
- Talib, H. (2019). Dato' Yahya Othman, Tokoh Kepimpinan Dakwah Melayu Nusantara: Satu Kajian Konseptual Dan Profil. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, 9.
- Ulum, A. (2016). *3 Ulama Karismatik Nusantara*. Jakarta, Indonesia: Global Press.
- Zaid, A. M. (2003). *Pendakwah Masa Kini Sikap & Pendekatan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Zakaria, M. A. (2015). Sumbangan Seorang Tokoh Pemuziuman: Prof.Dato' Dr Othman Yatim. *Pengurusan Seni*, 24.

- Zaydan, A. A.-K. (1976). *Usul Al-Dakwah*. Kuwait: Maktabah Al-Manar Al-Islamiyah.
- Zin, A. A. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiyah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zin, A. A. (2006). *Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

BAB 3

PEMBANGUNAN KOMUNITI MUALAF KE ARAH KENDIRI BERTERASKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN AL-GHAZALI

Syarul Azman Shaharuddin, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd Majid,
Muhammad Yusuf Marlon & Siti Nor Atiqah Amran

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Strategi pembangunan modal insan merupakan agenda terpenting kepada sesebuah komuniti. Hal ini, memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan komuniti, organisasi dan pembangunan negara. Strategi pembangunan modal insan telah menjadi agenda utama dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) (Mansor & Tengku Kasim, 2008). Matlamat utama strategi pembangunan modal insan adalah untuk mencapai sebuah negara maju. Takrif Malaysia sebuah negara maju apabila menjadi negara bersatu, berkeyakinan, demokratik matang, hidup berpaksikan nilai agama, bertolak ansur, progresif, saling hormat menghormati dan berkasih sayang, ekonomi yang adil dan masyarakat yang makmur (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020). Masyarakat yang celik minda dan roh mampu mencipta sebuah peradaban manusia.

Insan adalah modal utama dalam sesebuah komuniti masyarakat, perlu di bentuk dan di didik dengan nilai-nilai dalam ajaran agama dan sifat progresif dalam diri. Pembangunan modal insan sebuah strategi membentuk sebuah masyarakat yang berkualiti. Perkara ini perlu dilaksanakan bermula daripada peringkat individu, organisasi dan komuniti. Menjurus kepada komuniti mualaf yang mempunyai perlbagai masalah. Mualaf adalah individu bukan Islam yang memeluk agama Islam (Ida Rahmawati & Dinie Desiningrun, 2018). Mualaf sinonim dengan kisah dibuang keluarga dan dibuang kerja (Shaharuddin, Shaharuddin, Marlon, Amat Misra, Akmal Syazana Fauzan, 2017 & Marlon, 2014).

Mualaf adalah golongan yang perlu dibimbing dan di beri sokongan moral. Penghijrahan yang dilakukan adalah satu pengorbanan dalam diri mereka. Banyak perkara yang perlu diketepikan demi sebuah kebeanaran. Terutamanya, hubungan dengan keluarga kandung. Pertalian persaudaraan terputus akan memberi kesan yang besar terhadap emosi mereka (Abdullah & Rosli,

2018). Aidit Ghazali dan Zulkifli Abd Hamid (2014) menyarankan sebuah pelan perancangan jangka masa Panjang bagi pembangunan spiritual dan material bagi golongan mulaf.

Cabaran Mualaf

Mualaf ibarat seorang bayi yang baru dilahirkan dan kain putih yang perlu dicorakkan. Ini berdasarkan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 38:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ يَنْتَهُوا يُغْفَرْ لَهُمْ مَا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ يَعُودُوا فَقَدْ مَضَتْ سُنَّتُ الْأَوَّلِينَ



Maksudnya:

“Katakanlah kepada orang-orang yang kafir itu (Abu Sufian dan rakan-rakannya), “Jika mereka berhenti (dari kekafirannya), niscaya Allah akan mengampuni doas-dosa mereka yang sudah lalu; dan jika mereka kembali lagi, sesungguhnya akan berlaku (kepada mereka) sunnah (ketetapan Allah) terhadap orang-orang dahulu”.

Dan hadis Rasulullah SAW:

إِذَا أَسْلَمَ الْعَبْدُ فَحَسُنَ إِسْلَامُهُ يُكَفِّرُ اللَّهُ عَنْهُ كُلَّ سَيِّئَةٍ كَانَ زَلَفَهَا، وَكَانَ بَعْدَ ذَلِكَ الْقِصَاصُ: الْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَلِهَا إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ، وَالسَّيِّئَةُ بِمِثْلِهَا إِلَّا أَنْ يَتَجَاوَزَ اللَّهُ عَنْهَا.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no hadis 41]

Maksudnya:

“Apabila seseorang masuk Islam kemudian Islamnya menjadi baik, niscaya Allah akan menghapuskan segala kejahatan yang telah dilakukan. Setelah itu, ia akan diberi balasan iaitu setiap kebajikannya dibalas oleh Allah sepuluh sampai tujuh ratus kali. Sedangkan kejahatannya dibalas (hanya) setimpal kejahatannya itu, kecuali jika Allah memaafkannya.”

Syarul Azman Shabaruddin, Zikmal Fuad & Ahmad Fauzi Mohd Shahr (2015), mualaf merupakan individu yang dipujuk hatinya atau individu memeluk agama Islam, iman masih lemah dan tergolong dalam golongan asnaf, layak menerima zakat (Anon, 1997). Menurut Ida Rahmawati & Dinie

Desiningrun (2018) mualaf merujuk kepada individu bukan Islam yang memeluk Islam dan keyakinannya berubah daripada agama asal kepada agama Islam. Baharom et al. (2005) individu yang baharu memeluk agama Islam atau dikenali sebagai saudara baru. Individu yang memeluk agama baru sehingga membawa individu tersebut kepada perubahan dari segi perwatakannya, tingkah lakunya, emosinya, kerohanianya menjadi lebih baik berdasarkan anutan agama baharunya.

Shaharuddin et al. (2017), dalam menjalani kehidupan yang baru, golongan mualaf tidak terlepas daripada pelbagai cabaran yang mampu menggugat keimanan sekiranya ia tidak benar-benar teguh. Pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi sama ada dari segi emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan mengesani saudara baru kepada agama asal (murtad) sekiranya ia tidak ditangani dengan segera. Cabaran utama mualaf adalah tentangan daripada keluarga yang belum memeluk Islam. Saudara baru dipulau dan hubungan kekeluargaan diputuskan oleh ibu bapa sendiri menyebabkan emosi mereka terganggu emosi dan berada dalam tekanan (Abdullah & Rosli, 2018).

Ramai mualaf di luar sana, mahukan perubahan buat diri mereka, tidak mahu lagi bergantung pada bantuan zakat semata-mata. Sebuah laporan daripada Sinar Online ditulis oleh Amran Ali (2019), seorang penerima anugerah Mualaf Cemerlang kategori Usahawan Harapan, beliau berkata *“seboleh-bolehnya saya dan rakan mualaf lain mahu berdiri di atas kaki sendiri, kami mahu buktikan yang kami mampu berdikari”* katanya pada Sinar Online. Lembaga Zakat Selangor memberi penekanan kepada lima program khusus iaitu program pembangunan sosial, program pembangunan insan, dan program pembangunan ekonomi. Melalui program pembangunan ekonomi, bantuan disediakan dalam usaha membantu asnaf menjalani kehidupan yang seimbang sekaligus membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan (Ab Rahman, et al., 2014).

Namun begitu, sejauh mana mualaf mampu berdikari dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam jika ia tanpa bimbingan yang berterusan. Terdapat kes golongan mualaf ialah percubaan murtad, kurang kefahaman ajaran Islam, masih jahil tentang bersuci, masih meletakkan patung berhala di dalam rumah, kerap minta bantuan zakat dan gagal dalam kegiatan perniagaan (Rahisam Ramli, 2013). Golongan mualaf perlu diberi penekanan kepada pemantapan akidah dan nilai-nilai Islam dalam diri sebelum fokus kepada pembangunan material. Sehubungan dengan ini, pembangunan modal insan mencakupi untuk pembangunan komuniti mualaf.

Konsep Pembangunan Modal Insan Al-Ghazali

Pembangunan modal insan adalah pembangunan yang memusatkan kepada manusia. Manusia menjadi agen pembangunan sekaligus matlamat akhir dalam pembangunan (Shafii, Shareh Musa & Abd Rahman, 2009). Baharom et al. (2005) modal adalah wang atau harta benda yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu. Merujuk kamus dewan insan adalah manusia, manusia merupakan makhluk yang mempunyai akal budi dan insan (Baharom et. al, 2005). Akal didefinisikan sebagai fikiran atau kebolehan manusia untuk berfikir dan mencapai ilmu, manakala budi adalah keupayaan manusia untuk diri menuju kearah matlamat modal insan yang lebih baik (Ahmad Mohd Said & Khalidah Salekan, 2007; Mohamed & Abu Bakar, 2010).

Menurut Mustapha Kamal, Zahiah dan Abdullah (2010) manusia adalah makhluk Allah SWT yang diciptakan daripada rohani dan jasmani. Kenyataan ini juga disokong Kamaruddin, Mustaffa dan Rahman (2018) manusia dijadikan sebaik-baik makhluk dari segi dalaman dan luaran. Manusia dijadikan sebaik-baik acuannya, sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 138:

صِبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدُونَ

Maksudnya:

“Sibgah (celupan) Allah” Siapa yang lebih baik sibgahnya daripada Allah? Dan kepadaNya kami menyembah”

Dalam firman lainnya surah al-Tin ayat 4:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya:

“Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”

Pembangunan modal insan perlu difokuskan kepada membangunkan keperibadian manusia selaras dengan bakat dan potensi yang dimiliki menerusi program pendidikan dan latihan (Mansor & Kassim, 2008). Islam telah mengajar setiap didikkan dan dakwah perlulah berhikmah dan setiap perubahan perlulah dilakukan secara berperingkat. Pembangunan modal insan dalam perspektif Islam melalui dua hala, iaitu spiritual dan juga material. Syariat Islam jelas mempunyai matlamat pembangunan modal insan. Berpadanan dengan pendapat Mohamed dan Abu Bakar (2010) modal insan yang berkualiti dalam perspektif Islam adalah individu berpegang teguh kepada akidah, akhlak mulia, daya juang yang tinggi dan jiwa penerokaan yang hebat.

Imam al-Ghazali menegaskan pembangunan diri melalui keseimbangan rohani dan jasmani. Malah, manusia itu sendiri terdiri daripada komponen spiritual dan fizikal. Pembangunan modal insan al-Ghazali adalah sebuah konsep perubahan kualiti hidup kearah yang lebih baik. Pemikiran al-Ghazali tazkiyah al-nafs, riyadah al-nafs dan mujahadah al-nafs yang memfokuskan kepada persoalan hati. Pelaksanaan amalan agama dalam seharian membentuk akhlak seseorang yang mampu membina jati diri yang kuat dari segi fizikal dan mental (Azaman & Badaruddin, 2016)

Secara umumnya pembangunan rohani terbahagi kepada empat komponen meliputi hati, roh, nafsu dan akal. Hati adalah komponen utama dalam diri seorang insan tersebut. Ini kerana, hati adalah tempat terletaknya kebaikan dan kejahatan. Manakala roh bersifat rabaniyyah. Roh tidak bersifat kekal dan cenderung melakukan kebaikan atau keburukan. Akal pula adalah pusat kekuatan manusia. Nafsu pula mempunyai dua unsur iaitu *hayawanah* dan *syaitoniyah*. Kedua-dua unsur tersebut bagaimanapun mengarah kepada pelampiasan nafsu semata-mata. Bagaimanapun, nafsu boleh berubah kepada tiga nafsu iaitu *mutmainnah*, *lawwamah*, dan *ammarah*.

Manakala jasmani pula meliputi tingkah laku dan tindakan individu tersebut terhadap persekitaran. Hati dan roh yang baik membentuk nilai akhlak yang baik kepada persekitaran dan hubungan sesama manusia. Akal adalah pusat pemikiran manusia yang menghasilkan tindakan yang baik atau buruk bagi mengatasi kehendak nafsu dalam diri. Menurut model Sarmani (2008) hati, akal dan jiwa dipengaruhi oleh pancaindera. Manakala aspek dalaman menentukan tingkah laku positif atau negatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji melihat pembangunan modal insan al-Ghazali adalah sebuah model yang sesuai dilestarikan dalam komuniti mualaf.

Imam al-Ghazali tidak membahaskan pembangunan modal insan secara langsung. Oleh itu, ramai ilmuan moden telah mengjustifikasikan pembangunan model insan berdasarkan pemikiran yang dibawa oleh al-Ghazali, antaranya *Pembangunan Modal Spiritual* dibahaskan oleh Rohana, Kamarudzaman dan Roziah (2010), *Manusia menurut al-Ghazali* dibangunkan oleh Yatimah dan Tajuddin (2008) dan *Pembangunan Modal Insan dalam Al-Ghazali* dibina oleh Azaman dan Badaruddin (2016).

Kerangka Pembangunan Komuniti Mualaf Ke Arah Kendiri

Perkembangan sesebuah tamadun bermula daripada komuniti masyarakat, manakala perkembangan komuniti masyarakat pula bermula daripada individu. Pembangunan individu perlu membangunkan spiritual dan material. Individu muslim wajib melaksanakan lima rukun Islam dan mempercayai enam rukun iman. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan model al-Ghazali yang memfokuskan kepada falsafah manusia iaitu hati, akal, jiwa dan fizikal (Yatimah & Tajuddin, 2008)

Mualaf adalah golongan yang tidak lari daripada masalah dan cabaran yang dihadapi. Sama ada cabaran dari sudut dalaman atau luaran. Terdapat kes mualaf di buang keluarga kandung atas faktor berlaianan fahaman dan isu murtad dikalangan mualaf. Cabaran dari sudut luaran pula adalah pendapatan atau ekonomi. Mualaf dikategorikan sebagai asnaf, dengan ini mereka berhak memohon zakat di pusat zakat. Namun begitu, perkara ini menjadi isu apabila terdapat segelintir mualaf yang ambil kesempatan di atas peluang ini.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk membina kerangka pembangunan komuniti mualaf ke arah sendiri. Dalam konteks pembangunan modal insan imam al-Ghazali Yatimah dan Tajuddin (2008) dari sudut kauseling, kajian menekan hati, akal, jiwa dan fizikal. Walaupun manusia terdiri daripada roh, jiwa, hati dan akal. Al-Ghazali menitik beratkan hati adalah tunjang utama dalam diri manusia (Azaman & Badaruddin, 2016). Daripada hati akan membentuk individu muslim yang berkualiti.

Definisi hati terbahagi kepada dua, secara zahir dan batin (Azaman & badaruddin, 2015; Ghani & Mansor, 2006). Pertama bermaksud daging sanubaru (al-lahm al-sanaubar) yang berada di bahagian sisi lambung kiri iaitu daging dengan makna khusus, yang di dalamnya mempunyai lubang yang mengandungi darah hitam (Ghani & Mansor, 2006). Maksud kedua adalah berkait rapat dengan roh manusia yang membawa amanah Allah SWT dihiasi dengan pengetahuan yang didasarkan dengan fitrah manusia (Azaman & Badaruddin, 2015). Pembentukan nilai dan kecemerlangan insan berteraskan aspek kesucian hati merupakan asas terpenting yang menentukan keberhasilan dan kejayaan dalam proses pembangunan manusia (Jusoh, sharif & Sulong, 2018). Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 179:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ
بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْعَافِيُونَ

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang (tetapi) tidak mahu memabami dengannya (ayat-ayat Allah), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti-bukti keesaan Allah), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi, mereka itulah orang-orang yang lalai”.

Mengutamakan kesucian jiwa dari akhlak yang tercela. Hati yang bersih mudah memahami ilmu yang disampaikan oleh guru manakala hati yang tercemar dengan dosa boleh mematikan dan menggelapkan hati kerana ilmu ini merupakan cahaya dan rahmat dari Allah buat mereka yang menuntut ilmu

dengan hati yang sabar dan ikhlas (Taharuddin et al., 2019). Oleh itu, mendidik mualaf dengan mengenal Allah iaitu dengan memantapkan akidah mereka.

Mendidik hati adalah dengan cahaya ilmu yang dipelajari dan difahami. Manusia diberi akal untuk berfikir agar mendidik hati. Akal adalah kompenan mencipta daya berfikir yang bersambung dengan hati. Ahmad Mohd Said dan Khalidah Salekan (2007), begitu juga Mohamed dan Abu Bakar (2010) akal didefinisikan sebagai fikiran atau kebolehan manusia untuk berfikir dan mencapai ilmu. Akal mempunyai dua maksud pertama, ilmu meliputi hakikat sesuatu tempat meletakkan cahaya ilmu. Kedua, tempat untuk memahami dan mendapatkan ilmu pengetahuan dan fungsinya lebih kurang sama dengan Qalb (Azaman & Badaruddin, 2015). Golongan mualaf perlu diberi pendidikan sama ada agama atau duniawi. Hal ini, adalah untuk menjadikan mualaf yang mampu menjadi muslim sejati.

Roh atau rohani bersifat dalaman manusia yang berperasaan dan berkemahuan (Arbak Othaman, 2005; Ghani & Mansor, 2006). Individu yang berilmu pengetahuan akan mampu berfikir berlandas ilmu dan mata hati. Perkara ini akan membentuk individu mualaf bersemangat dan cecal dalam menempuhi liku cabaran penghijrahan. Menurut Md Said Suleiman (2002) semangat atau roh bermaksud semangat dalam diri. Roh berkait rapat dengan emosi dalaman manusia. Mualaf cenderung kepada pelbagai masalah. Hal ini, akan mengakibatkan mualaf berputus asa dan hilang semangat sehingga membawa kepada isu murtad. Pengurusan emosi perlu diberi penekanan kepada golongan mualaf agar tidak tersasar jauh daripada landasan Islam.

Kejadian manusia dari sudut psikologi meliputi elemen-elemen fizikal dan spiritual yang memerlukan keseimbangan antara aspek jasmaniah dan rohaniyah (Ghani & Mansor, 2006). Dalam model Yatimah dan Tajuddin (2008) aspek dalaman yang baik akan menciptakan suatu tindakan luaran. Segala maklumat yang mempengaruhi aspek diterima pancaindera tingkah laku dalaman yang mencetuskan. Kebergantungan mualaf kebanyakannya adalah daripada pusat zakat dan badan bukan kerajaan. Pengkaji melihat mualaf perlu bangun sendiri dan berdikari bagi membina ekonomi yang stabil sebelum memasuki fasa mukallaf.

Jasmani di sini bermaksud sifat yakin diri, berani, kuat, dan berdikari, kesemua material ini perlu diterapkan dalam diri mualaf bagi membangunkan komuniti mualaf kearah sendiri. Dalam konteks pembangunan komuniti mualaf perlu diberi penekanan kepada ilmu pengetahuan agama agar golongan mualaf dapat menundukkan hati terhadap ajaran Islam. Seterusnya golongan mualaf dapat mengawal emosi dalam memulakan kehidupan baru. Konsep ini bersepadanan dengan dasar pembangunan mualaf negeri Selangor yang menyasarkan pemantapan akidah dan kefahaman terhadap Islam yang diukur melalui pencapaian kualiti amalan dan ibadah. Dasar kedua, memperkasakan ekonomi mualaf yang melibatkan keusahawanan, kerjaya dan kemahiran (Hamid, 2020).

Kesimpulan

Cabaran yang dihadapi mualaf membantutkan potensi golongan mualaf dalam pemantapan akidah dan pembangunan ekonomi sebelum bergelar seorang mukalaf. Oleh itu, kajian ini bertujuan melestarikan pembangunan model insan dalam pembangunan komuniti mualaf. Teras utama kearah melahirkan mualaf berdikari berpaksikan nilai-nilai Islam dalam pembangunan modal insan. Fokus utama adalah pemantapan akidah mualaf sebelum pembangunan material. Berdasarkan konsep pembangunan modal mualaf al-Ghazali elemen utama adalah pembangunan rohani kedua, pembangunan jasmani. Pembangunan rohani merangkumi hati, akal dan jiwa. Manakala pembangunan jasmani pula, berdasarkan tindakan individu untuk mengubah diri kearah lebih baik daripada sebelum. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber dalam kajian berkaitan pembangunan komuniti mualaf terutamanya kepada para akademik.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Basah, M.Y A., Nooh, M.N., Abdullah Mohd Fauzi, A. A., & Bakar, M. F. B. A. (2014). Memformulasi model produktif pembangunan program usahawan bagi memperkasakan ekonomi golongan Asnaf. *Prosiding PERKIM Ke-9 (2014)*. 191-198
- Abdullah, N. A. S., & Rosli, N. A. (2018). Kemurungan dalam kalangan mualaf di pusat pengajian PERKIM Wilayah Persekutuan. *MOJPC: Malaysia Online Journal of Psychology & Counselling*, 5(1), 52-63.
- Ahmad Mohd Said & Khalidah Salekan. (2007). *Pembangunan insan aspirasi dan realiti*. Kuala Lumpur: Blue-T Communication Sdn. Bhd.
- Aidit Ghazali & Zulkifli Abd Hamid. (2014). Program bantuan kepada mualaf. Dlm. *Pembangunan dakwah mualaf*. Rugayah Hj Tibek, Fariza Md. Sham dan Muhammad Hilmi Jalil (Pnyt.). Bangi: Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arbak Othman. 2005. *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azaman, F. N. M., & Badaruddin, F. (2016). Nilai-nilai kerohanian dalam pembangunan modal insan menurut al-Ghazali (Spiritual values in human capital development by al-Ghazali). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 3(1).
- Baharom. N. et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Empat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghani, M. D. & Mansor, N. S. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-imam al-

- Ghazali. In *Proceeding in National Student Development Conference (NASDEC)* (pp. 8-9).
- Hamid. (2020). Pembangunan Muallaf di Selangor. *Terbelakab Muallaf di negeri Selangor*, 1(2020), 3 .
- Jusoh, M. S. M., Sharif, M. F. M., & Sulong, J. (2018). Pembangunan kerohanian menurut model tazkiyah al-Nafs al-Ghazali: Aplikasinya dalam pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama sekolah–sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), Pulau Pinang. In *6th International Conference in Islamic Education: Rabbani Education*.
- Kamruddin, M., Mustaffa, N. K. N., & Rahman, M. R. A. (2018). Kerangka pembangunan modal insan di kalangan pelajar muslim Politeknik Tunku Syed Sirajuddin menurut persoektif Islam. *Journal on Technical and Vocational Education*, 3.
- Mansor, F., & Kassim T. S. A. T. (2008). Pembangunan modal insan dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Al-Tamaddun*. 3, 85-109.
- Marlon Pantino Guleng. (2014). *Penyesuaian diri muallaf terhadap masyarakat dalam kalangan pelajar Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP)*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mustapha Kamal, A. K., Zahiah, H., & Abdullah, Y. (2010). Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Islam dari Perspektif Pendidikan Guru. In *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education* (pp. 38-48).
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020). *Pejabat Perdana Menteri Laman Web Rasmi*. Retrieved from <https://www.pmo.gov.my/ms/wawasan-2020/malaysia-sebagai-negara-maju/> 27/9/2020
- Ramli, R. Mekanisme Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa.
- Rohayati, E. (2011). Pemikiran al-Ghazali tentang pendidikan akhlak. *Ta'dib: Journal of Islamic Education (Jurnal Pendidikan Islam)*, 16(01), 93-112.
- Sarmanu, Y. (2008). *Teori kaunseling al-Ghazali*. t.tp.: PTS Islamika.
- Taharuddin, N. H., Soleh, N. A., Azmi, N. S., Mayudin, F. H., Rosli, N. S., Adnan, N., & Nasirudin, N. 2019. Mengenal ketokohan pemikiran Imam al-Ghazali mengenai manusia. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3*. (pp 494-502).

BAB 4

TAQLID DALAM AKIDAH: ANALISIS TERHADAP PEMIKIRAN MUHAMMAD BIN YUSUF AL-SANUSI (W. 895 H.)

Mustafa Kamal Amat Misra,¹ Abdull Rahman Mahmood² & Jaffary Awang²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pengenalan

Al-Sanūsī boleh dianggap sebagai tokoh ulama kalam yang mendokong metodologi Ashā'irah dan berjaya mengadun warisan metodologi-metodologi tokoh-tokoh ulama Ashā'irah sebelumnya sehingga menjadi metodologi yang diterima dan dipraktikkan oleh masyarakat Ahli Sunnah wa al-Jamā'ah dalam memahami ilmu tauhid. Beliau lahir setelah tahun 830 hijrah, bahkan terdapat beberapa sumber sejarah menyatakan tahun kelahirannya pada 832 hijrah atau tahun 835 hijrah. Nama lengkap beliau adalah Muhammad Bin Yūsuf bin 'Umar bin Syu'āib al-Sanūsī al-Mālikī al-Hasanī al-Tilimsānī. Juga dijuluki dengan Sanūsī kerana dinisbatkan kepada 'Sanusah', nama sebuah perkampungan di Maghribi (Abd. al-Aziz, 2010: 74).

Beliau digelar dengan beberapa julukkan secara tidak langsung menunjukkan ketinggian penghormatan ulama-ulama sezaman dan selepasnya terhadap beliau. Gelaran 'al-Hasanī' nisbah kepada Hasan bin 'Alī bin Abī Tālib, dari nasab ibu sebelah ayahnya. Juga digelar 'Tilmisān' dinisbahkan kepada daerah Tilmisān (Abd. al-Aziz, 2010: 74-75). Gelaran 'al-Tauhidī' oleh al-Disī kerana ketokohnya dalam menulis kitab tauhid (al-Tambaktī. 1989: 563). Pelajar beliau al-Malali turut meletakkan status gelaran terhadapnya dengan gelaran seperti al-Tilmisānī, 'Alimuhā, Sālihuhā, Zāhiduhā, Kabīru 'Ulamā'ihā, al-Syeikh al-'Allāmah al-Muttafīn al-Sālih al-Zāhid al-'Ābid, al-Ustāz al-Muhaqqiq al-Muqarri al-Khasiyi' Abī Yacqūb Yūsuf ('Abd. Al-'Aziz, 2010: 76).

Al-Sanūsī hidup pada zaman berkembangnya *taqlid*, dimana para ilmuan pada waktu itu merasa cukup dengan mengikuti peninggalan ilmuan-ilmuan terdahulu. Mereka tidak lagi berusaha mengkaji dan mendalami ilmu dari sumbernya yang asal iaitu al-Qur'ān dan al-Sunnah. Namun al-Sanūsī merasa belum puas dengan keadaan itu dan beliau amat mencela *taqlid* terutama dalam ilmu akidah. Beliau mengabdikan pemikiran-pemikiran tersebut di dalam karya-karya beliau. Oleh karena itu beliau digolongkan dalam serangkaian tokoh

pentajdid yang muncul di Afrika Utara pada kurun kesembilan Hijriyah. Beliau wafat pada hari Ahad 18 Jumādi al-Akhīr 895 hijrah bersamaan 1490 masihi di Tilmisān atau ejaan sekarangnya Tlemcen, setelah menderita sakit selama sepuluh hari. Menurut al-Malalli, al-Sanūsī wafat pada usia 63 tahun.

Karya-Karya Muhammad Bin Yusuf Al-Sanusi

Al-Sanūsī telah banyak mengarang berbagai karangan dalam pelbagai lapangan disiplin ilmu, mulai dari ilmu mantiq (logik) hinggalah perubatan dan lain-lain yang menunjukkan keluasan ilmunya. Dalam konteks bidang akidah, terdapat beberapa karya yang telah dihasilkan merujuk kepada al-Sanūsī sama ada karya beliau sendiri mahupun karya ulasan ulama selepasnya terhadap karya beliau antaranya (Mustafa Kamal, 2018: 1040):

- i. *‘Aqīdah Abl al-Taubīd* atau *Umm al-Barāhin* atau *‘Aqīdah Sughrā* atau *Zāt al-Barāhin*. Karangan ini lebih dikenali sebagai *al-Sanūsīyah al-Sughrā*.
- ii. *Sharh Umm al-Barāhin*, kitab yang berupa kupasan kepada *al-Sanūsīyah al-Sughrā*. (*Umm al-Barāhin*).
- iii. *Taubīd Abl ‘Irfān wa Ma‘rifah Allah wa Rasūl Allah bi al-Dalīl wa al-Burhān*
- iv. *‘Aqīdah Abl al-Taubīd wa al-Tasydīd al-Mukbarajah Min Zulumah al-Jahl wa Ribqah al-Taqlīd*. Kitab ini telah disyarahkan seperti kitab *‘Umdah Abl al-Taufīq wa al-Tasdīd* dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1317 hijrah. Bahkan ia banyak diulas oleh para ilmuan seperti dalam karya *Hasyīyah al-Hasan Ibn Ma‘ūd al-Yūsī* (1111 hijrah), *Hasyīyah Ramadhān Ibn ‘Abd al-Haq al-Ikārī* (1163 hijrah), *Hasyīyah Ahmad Ibn ‘Alī Ibn ‘Abd al-Rahman al-Manjūrī* (995 hijrah), *Hasyīyah Muhammad Ibn ‘Abdillāh al-Dimasyqī*, *Hasyīyah Muhammad Ahmad Ibn ‘Arafah al-Dusūqī* (1230 hijrah), *Hasyīyah Muhammad ‘Alūsī al-Misrī* (1299 hijrah) dan *Hasyīyah Muhammad Ibn Qāsīm Jasūs al-Fāsī*.

Menerusi karya *Umm al-Barāhin* atau lebih dikenali dengan metode sifat dua puluh iaitu gabungan metode tokoh-tokoh Asha’irah sebelumnya, al-Sanusi dilihat sebagai ‘penyimpul’ ilmu kalam Asha’irah khasnya dan Muslimin umumnya dengan tidak dilihat terdapat karya lain daripada tokoh-tokoh selepasnya membina metode yang baru melainkan hanya menggunakan metodologinya sahaja. Boleh dikatakan metode pemikiran Muslim Asha’irah hari ini mengikut acuan terjemahan kalam al-Sanusi.

Pengkaji menyimpulkan bahawa penghasilan karya ini adalah kesinambungan dari usaha-usaha penghasilan karya ilmiah dalam bidang akidah sejak kurun kedua Hijrah lagi. Ia dihasilkan bagi memenuhi tuntutan semasa

masyarakat Islam yang amat memerlukan kepada satu karya akidah yang kemas dan mantap untuk digunakan bagi menghadapi suasana semasa umat Islam yang amat mencabar.

Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa kitab *Umm al-Barabhin* sememangnya banyak mempengaruhi penulisan karya akidah di dunia Islam. Pengaruh tersebut dapat dilihat dari pelbagai aspek, iaitu dari aspek isi kandungan kitab secara keseluruhan beserta dengan mukadimah kitab yang membahaskan hukum akal, susunan isi kandungan yang dimulai dengan perbahasan hukum akal dan disudahi dengan huraian dua kalimah *al-Shabadah* dan metode pendalilan dalam mengisbatkan asas-asas akidah Ahl al-Sunnah yang berasaskan nas al-Quran dan al-Hadith dan akal yang berasaskan metode *al-burhan*.

Pengaruh Pemikiran Akidah Al-Sanusi Terhadap Pengajian Akidah di Nusantara

Pemikiran akidah al-Sanusi mempunyai hubungan yang rapat dengan pemikiran akidah masyarakat di Nusantara. Mohd. Hisham et. Al (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *Umm Al-Barabhin And Its Relation With Malay Jawi Books* merujuk Koharudin (2004) yang menyatakan Karya-karya terjemahan daripada karya al-Sanusi iaitu *Umm al-Barabhin* diadaptasi yang banyak dihasilkan oleh ulama-ulama tradisional Melayu dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Ia menunjukkan bahawa wujudnya silsilah keilmuan yang terjalin mantap dan kukuh di antara ulama-ulama Timur Tengah dengan ulama-ulama di Alam Melayu khususnya. Penulisan kitab-kitab jawi tersebut didapati bermula seawal abad ke-16 dan penulis kitab-kitab tersebut terdiri daripada ulama-ulama tempatan dengan menggunakan bahasa Melayu yang ditulis dengan huruf jawi yang sama turut juga dikenali sebagai kitab kuning.

Antara kitab-kitab tersebut seperti *Bidayah al-Hidayah* yang karang oleh Syeikh Muhammad Zain bin al-Faqih Jalal al-Din al-Asy'i pada tahun 1170H, kitab *Siraj al-Huda* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Zain al-Din bin Muhammad Badawi al-Sumbawi pada tahun 1259H bersamaan 1885M, kitab *'Aqidah al-Najin* oleh Syeikh Wan Zain al-'Abidin bin Wan Muhammad al-Fathani bin Wan Muhammad Dahan bin Wan Sham al-Din bin Wan Ja'far bin Wan Husein, kitab *Usul al-Tauhid fi Ma'rifat Turq al-Iman li al-Rabb al-Majid dan Tamrin al-Sibyan fi Bayan Arkan al-Islam wa al-Iman* oleh Syeikh Husin Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari (Mohd. Hisham et al., t.th.: 71).

Dalam kajian lain yang dikaji oleh Faizuri Abd. Latif dan Muhammad Hazim Mohd Azhar yang bertajuk *Pengaruh Umm Al-Barabhin Karya Al-Sanusi Terhadap Bakurah Al-Amani Karya Wan Ismail Al-Fatani Dalam Perbahasan Sifat 20* turut menyenaraikan kitab-kitab akidah versi jawi yang dikarang dengan mengambil metode perbahasan seperti kitab *Umm al-Barabhin* iaitu kitab al-Durr

al-Thamin (1232 H/1816 M) karangan Sheikh Daud al-Fatani dan *Zabrah al-Murid fi 'Aqa'id al-Tawhid* (1310H/ 1892M) oleh Sheikh Muhammad 'Ali bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Ghafur Kutun al-Kalantani. Ulama Melayu mengambil inisiatif menterjemahkan karya ini ke dalam bahasa Melayu jawi diiringi dengan syarah, *hashbiyah*, *ta'liq* atau komentar dan sebagainya. Meskipun kebanyakan kitab jawi diadaptasi daripada *Umm al-Barahin*, namun didapati segelintir ulama Melayu membahaskan sifat 20 dengan corak yang berbeza daripada Umm al-Barahin. Bahkan terdapat juga karya-karya yang tidak disertakan nama pengarang seperti *Inilah kitab sharh bagi Matn Jawharat al-Tawhid* (Tanpa Nama Pengarang), cetakan di Singapura tahun 1292H, *Inilah kitab sharh Usul al-Tahqiq* (Tanpa nama Pengarang), cetakan di Pulau Pinang tahun 1356H dan *Inilah 'aqidah bagi Sanusiyyah Matn Umm al-Barahin* diterjemah dengan bahasa [bahasa] Melayu (Tanpa Nama Pengarang), cetakan di Singapura, Tanpa Tarikh (Syed Dawilah & Halimi, 2007: 25).

Peranan dunia Islam dalam memahami akidah Islam sedikit sebanyak menerima jasa daripada Muhammad bin Yusuf al-Sanusi sama ada peringkat dunia amnya dan peringkat Nusantara khususnya. Kitab-kitab akidah jawi yang saban generasi menjadi modul tatapan pengajian di Nusantara banyak menerima pengaruh dan huraian metodologi al-Sanusi. Namun, begitu, dalam konteks *taqlid*, al-Sanusi mempunyai pandangan tersendiri dan menarik dibincangkan.

***Taqlid* 'Akidah Menurut Muhammad Bin Yūsuf Al-Sanūsī**

Taqlid bagi al-Sanūsī adalah mengambil pandangan seseorang yang lain tanpa dalil. Namun, bagi pengambilan sumber dari hadis mahupun al-Qur'an, ia tidak difahami sebagai *taqlid* (al-Sanūsī, t.h: 48). Al-Zawāwī (t.th) di dalam *Sharh lil Manzūmah al-Musammah bi al-Jazā'iriyah* menyatakan:

قد أنكر البعض تقليدا بلا نظرٍ ولا دليلَ على التوحيدِ لم يُقَلِّ

Al-Sanūsī (t.th: 48) merumuskan, dalam konteks perbahasan tentang *taqlid*, terdapat empat pandangan yang dijadikan perbincangan. Pertamanya pandangan terhadap ketidakharusan bertaq^lid dalam aqidah. Pandangan ini adalah pandangan jumbuh dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Pandangan ini menyatakan, seseorang hamba wajib meyakini kewujudan Allah SWT (*ma'rifa*) dan meyakini Nabi SAW adalah utusan Allah SWT dengan keyakinan yang *jazm*¹. Sedangkan, seseorang pentak^lid bukanlah orang yang berpengetahuan (*ilm*) mahupun yakin (*ma'rifa*). Ini kerana mereka hanya mengikuti pandangan orang lain tanpa dalil mahupun hujah. Bahkan, seseorang yang berpengetahuan

¹ *Jazm* bermaksud suatu yang tidak memberi ruang penafian sama sekali. Seperti contoh, berfikir tentang kewujudan Allah, tidak tergambar atau tiada ruang di fikiran tentang ketiadaan Allah.

dalam sesuatu pegangan menunjukkannya mempunyai dalil, kemudiannya yakin dengan *jaẓm*. Ini kerana, dalam konsep yakin Allah SWT, *ma'rifah* dan *'ilm* adalah seiring dan ia membawa makna yang satu iaitu yakin. Keduanya mereka yang akan mengikut pandangan yang kebiasaanya mereka yakin pandangan tersebut adalah benar. Ketiganya pula adalah *bertaqlid* orang yang benar di sisi Allah SWT.

Namun, al-Sanusi mengatakan, ketiga-tiga kategori tersebut adalah batil. Ini kerana, bagi kategori yang pertama dan kedua, ia *bertaqlid* dengan secara tidak langsung membantu untuk membenarkan apa sahaja pegangan orang kafir dan ahli bid'ah. Bagi kategori yang ketiga pula, mereka tetap tidak mengetahui pegangan siapa yang benar di sisi Allah melainkan dengan cara berfikir yang betul (al-Sanūsī, t.th: 49). Justeru apabila seseorang sudah mengetahui sesuatu dalil dengan kemampuan berfikir yang baik, dia sudah terkeluar daripada ruang lingkup *taqlid* (al-Sanūsī, t.th: 49).

Pandangan kedua tentang *taqlid* adalah pula mengatakan, seseorang yang *bertaqlid* secara *jaẓm* dan tepat (*mutabiq*) dengan *'aqāid al-imān*, namun tiada dalil, ia sudah memadai. Ini seperti pandangan Ibn Rushdi, diterima oleh al-Ghazālī dan Ibn Abī Jamrah. Bahkan Ibn Rushd menyatakan, berfikir (*nazar*) hanyalah harus dan tidak wajib (al-Sanūsī, t.h: 49).

Pandangan ketiga pula menyatakan sesiapa yang ada kemampuan untuk berfikir (*nazar*), adalah haram baginya *bertaqlid*. Bahkan wajib baginya untuk berfikir (*nazar*) dengan fikiran yang sahih dan jika tidak mengambil metode berfikir tersebut, adalah berdosa. Namun bagi sesiapa yang sebaliknya, iaitu tiada kemampuan untuk berfikir, tidak wajib baginya untuk berfikir dan memadai hanya *taqlid* sahaja. Sekiranya mereka dipaksa untuk berfikir sedangkan mereka tidak mampu, ini akan menjadikan mereka dipaksa untuk melakukan suatu perkara yang diluar kemampuan mereka. Bahkan ianya tidak diperintahkan oleh Allah SWT (al-Sanūsī, t.th: 49). Ini seperti firman Allah SWT ayat 286 dalam Sūrah al-Baqarah لا يكلف الله نفسا إلا وسعها. Al-Sanūsī (t.th: 50) menyatakan, pandangan yang ketiga tersebut turut diterima oleh jumhur ulama Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Seterusnya bagi pandangan keempat, mereka yang mengharuskan untuk *bertaqlid* tetapi hanya kepada al-Quran dan hadis Nabi SAW. Menurut rumusan al-Sanūsī (t.th: 50), mereka mengatakan *taqlid* seperti ini adalah selamat dan terpelihara daripada kebatilan. *Bertaqlid* kepada Nabi SAW juga harus dan terselamat daripada kebatilan kerana Nabi SAW maksum dan telah sampai kepada kebenaran yang pasti (*al-haq al-qat'i*). Berbanding dengan *bertaqlid* kepada seseorang ulama, tentunya ulama tersebut tidak terpelihara daripada melakukan kesalahan sama ada pada perkataan dan perbuatan mereka. Akhirnya *bertaqlid* dalam hal aqidah kepada seseorang ulama adalah tidak dibolehkan (Al-Sanūsī, t.th: 50).

Kesimpulan

Tanggungjawab utama seseorang hamba kepada Tuhannya adalah *ma'rifah* Allah SWT iaitu mengenal Allah SWT. Ia adalah keyakinan yang tidak berbelah bagi (*jaʿm*). Bagi al-Sanusi, keyakinan yang *jaʿm* tersebut perlu diawali dengan *naẓar al-Sabih* (berfikir dengan benar). Seseorang yang beriktikad mesti menggunakan akal yang sihat (*naẓar al-sabih*) untuk berfikir bagi memandu iktikadnya agar tidak tergelincir dari iktiqad yang benar, lebih-lebih lagi jika satu-satu iktikad itu terpalit dengan kesilapan dan bid'ah. Ini kerana kesilapan dalam beriktikad memungkinkan terjerumus dalam kekufuran yang jelas.

Rujukan

- Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar. 2018. Pengaruh Umm Al-Barahin Karya Al-Sanusi Terhadap Bakurah Al-Amani Karya Wan Ismail Al-Fatani Dalam Perbahasan Sifat 20. *Afkar* Vol. 20 Issue 2 (2018): 93-126
- Mohd. Hisyam Abdul Rahim, Mikdar Rusdi & Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. 2012. Umm Al-Barahin And Its Relation With Malay Jawi Books. *Journal of Techno Social*, 4 (2) 2012. 67-73.
- Muhammad Bin Yusuf al-Sanusi. t.th. *Al-Manhaj al-Sadid Fi Sharh Kifayah al-Murid Li. Sharh al-Manzumah al-Musammah bi al-Jaza'iriyah Li Ahmad Bin 'Abd Allah al-Zawawi al-Jaza'iri*. Aljazair: Dar al-Huda
- Mustafa Kamal Bin Amat Misra & Mohd Hakim Bin Arshad. 2018. Peranan Muhammad Bin Yusuf Al-Sanusi Terhadap Kelangsungan Manhaj Al-Asha'irah. *Prosiding, 4 Th International Conference On Islamiyyat Studies 2018*, 18th-19th September 2018.
- Syed Muhammad Dawilah. 1993. *The Role of kitab Jawi in the Development of Islamic Thought in the Malay Archipelago with special Reference to Umm al-Barahin and the Writtings on the Twenty Attributes*. Tesis PhD. United Kingdom: University Edinburgh.

BAB 5

CABARAN MEMBENTUK AKHLAK REMAJA DALAM PENGAJIAN TURATH: ANALISIS TERHADAP PEMBELAJARAN PERSEKITARAN SOSIAL

Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin & Nur
Fatimah Zainuddin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Pengajian turath merupakan pengajian yang memberi fokus kepada pengajian yang menggunakan khazanah ilmu yang merupakan sumber utama atau primer dalam pengajian ilmu-ilmu Islam. Pengarang kitab-kitab ini menghimpunkan segala catatan ilmu yang didapati dari pengajian talaqqi dengan para ulama dan masyaikh dari pelbagai bidang dan cabang ilmu. Kitab turath juga sering disebut dengan istilah kitab kuning atau *yellow book* dan kitab klasik. Kitab turath merujuk kepada karya-karya tradisional ulama klasik dengan gaya bahasa Arab yang berbeza dengan buku moden. Ada sesetengah pendapat mengatakan bahawa kitab turath dinamakan 'kitab kuning' kerana ia ditulis di atas kertas yang berwarna kuning yang datang dari Timur Tengah. Kitab kuning adalah kitab-kitab keagamaan berbahasa Arab, Melayu, Jawa atau bahasa-bahasa tempatan lain di Indonesia dengan menggunakan aksara Arab, yang selain ditulis oleh ulama di Timur Tengah, juga ditulis oleh ulama Indonesia sendiri (Syed Salim, 2018).

Menurut *Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka*, kitab adalah buku suci yang mengandungi perkara-perkara keagamaan seperti hukum dan ajaran. Manakala Turath pula dapat difahamkan melalui perkataan 'turath' yang diambil daripada bahasa Arab yang membawa maksud apa-apa yang ditinggalkan oleh seseorang kepada ahli warisnya yang disebut sebagai pusaka (Ibn Manzur dalam Syed Salim, 2018), Menurut 'Ali Jum'ah turath merujuk kepada produk yang dihasilkan oleh akal manusia Muslim sepanjang zaman. Turath merupakan hasil pemikiran atau karya intelektual yang berpaksi dan bertemakan nas al-Quran dan Sunnah, merangkumi hukum-hakam dan maksud-maksud syarak yang mencakupi nilai-nilai yang diadun mengikut kesesuaian perubahan persekitaran, individu dan masyarakat. Nas-nas syarak dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai sesuatu kemajuan dan menjadi asas rujukan dalam setiap perkara.

Dengan itu terhasil pelbagai cabang ilmu seperti fiqah, usul fiqah, nahu, saraf, balaghah, khat dan sebagainya untuk 'berkhidmat dan berbakti' kepada nas-nas syarak (Syed Salim, 2018).

Pengajian turath sering dikaitkan dengan sistem pengajian pondok. Ia berikutan pengajian pondok menyediakan sistem pembelajaran yang mementingkan kitab-kitab turath sebagai rujukan utama pengajian. Namun, pada masa kini pengajian kitab turath tidak hanya terikat di institusi pondok, ia berkembang ke institusi pendidikan moden. Ianya diakui oleh Dr Luqman Abdullah dalam seminar Hukum Islam Semasa ke 9. Ia membuktikan pengajian kitab turath pada masa kini tidak lagi tertumpu hanya di peringkat pengajian pondok, malah turut dipelajari di institusi pengajian tinggi yang mempunyai sistem pengajian yang sistematik dan diiktiraf. Pengajian tradisional turath penting dalam membentuk jati diri khususnya dalam kalangan pelajar agama bagi mempertahankan legasi kesusasteraan Islam yang lahir dalam sejarah perkembangan ilmunya (Latifah, 2018). Kajian ini melihat kepada cabaran membentuk akhlak remaja melalui pembelajaran persekitaran sosial dan pengajian kitab turath.

Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial

Pembentukan akhlak remaja amat berkait rapat dengan faktor persekitaran sosial. Ia merujuk kepada beberapa faktor persekitaran sosial yang boleh memberi kesan secara timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku seseorang. Antara faktor sosial tersebut ialah ibubapa, guru, rakan sebaya, persekitaran sekolah, persekitaran masyarakat dan media massa (artis) turut memberi sumbangan terhadap peribadi dan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial. Manakala perbincangan berkenaan pembelajaran sosial ialah permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar, 2006).

Teori pembelajaran sosial tersebut bertepatan dengan teori pendidikan anak-anak yang dibahaskan oleh Imam al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* iaitu contoh tauladan, pemerhatian dan peniruan, kelaziman dan kebiasaan, ganjaran dan denda serta nasihat. Manusia itu berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka ia akan cenderung menjadi baik dan jika ia berada dalam persekitaran dan pendidikan yang mendorongnya ke arah kejahatan, maka ia akan terpengaruh untuk berakhlak buruk. Keperibadian manusia itu berkembang bergantung kepada kualiti pengalaman hidup dan hasil interaksi dengan lingkungan (Norlizah, 2014).

Penelitian dilakukan terhadap riwayat hidup orang soleh sebagai usaha memperteguhkan keazaman dan memperoleh kebaikan. Ia juga bagi

memudahkan proses penerapan akhlak mulia dalam diri seseorang. Ini kerana manusia secara fitrah adalah suka meniru dan ia akan mendapat manfaat atau mudarat dengan sifat tersebut (Abul Quasem, t.t). Jika ia melihat kepada perkara yang positif, maka ia akan mendatangkan sifat baik dan positif, begitu juga sebaliknya.

Persekitaran sosial amat penting dalam pembentukan akhlak seseorang terutama remaja. Ia berikutan remaja merupakan aset penting dalam sesebuah negara. Zakaria Stapa (2012) menyatakan bahawa faktor persekitaran sosial ialah ibubapa, rakan sebaya, faktor sekolah dan guru, faktor globalisasi dan media massa memberi kesan dalam pembentukan jati diri dan akhlak remaja. Ia menunjukkan persekitaran yang paling hampir dengan remaja adalah individu penting dalam kehidupan remaja melibatkan keluarga, rakan dan sekolah. Turut memberi kesan kepada akhlak remaja adalah media massa.

Cabaran dalam membentuk akhlak remaja adalah kawalan terhadap persekitaran sosial seperti sekolah dan komuniti. Kajian oleh Rozmi (2017) berkaitan salah guna bahan dalam kalangan remaja menunjukkan bahawa faktor persekitaran yang memberi risiko terhadap tingkah laku pelajar ialah persekitaran merangkumi sekolah dan komuniti yang boleh mempengaruhi tingkah laku salah guna bahan dalam kalangan remaja. Keputusan kajian jelas menunjukkan faktor luaran (persekitaran sosial) seperti pengaruh rakan lebih penting daripada faktor dalaman (individu dan keluarga).

Mohd Nizar (2016) dalam kajiannya berkenaan pengaruh persekitaran sosial terhadap penghayatan Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Mukah Sarawak mendapati tahap pengaruh ibubapa dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sangat tinggi (Skor Min 4.18, SP=0.59). Rakan didapati memberikan pengaruh sederhana tinggi kepada para pelajar dalam pembentukan akhlak mereka (Skor Min 3.59, SP=0.67). tahap pengaruh Persekitaran Sekolah dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.92, SP=0.67).

Antara aspek penting dalam membentuk akhlak remaja adalah aspek pembentukan melalui ganjaran. Terdapat beberapa ganjaran yang dapat diberikan seperti kewangan, penghargaan lisan, kebendaan, anugerah pengiktirafan dan aktiviti yang disukai. Ia menunjukkan bahawa ganjaran yang diberikan oleh guru atau sekolah dapat memberi semangat dan membentuk akhlak remaja (Khairudin, 2012). Aspek ini harus diberi penekanan dalam membentuk akhlak remaja, ia berikutan pembentukan akhlak amat berkait rapat dengan emosi rasa dihargai dan disayangi oleh remaja agar jiwa remaja tidak memberontak dan terlibat dengan masalah sosial pada masa kini.

Remaja harus diberi peluang menikmati apa yang disukai hasil daripada apa yang telah mereka sumbangkan seperti dapat menghafaz surah-surah lazim yang ditentukan dalam silibus pengajian. Ia merupakan antara cabaran dalam pengajian kerana dalam melaksanakan aspek ini perlu kepada motivasi dalam diri guru untuk melaksana, kesanggupan mengorbankan kebendaan, dan


kemampuan institusi pengajian dalam memberi ganjaran yang sesuai dengan kehendak dan minat remaja.

Pembentukan akhlak melalui persekitaran sosial turut menekankan aspek denda selain daripada ganjaran baik atas perlakuan atau sikap baik yang ditunjukkan. Nasrul (2017) membincangkan berkenaan peraturan dan undang-undang kawalan disiplin murid di Malaysia menyatakan secara umumnya, konsep disiplin merangkumi latihan membentuk, membetul, ataupun melengkapkan suatu sistem peraturan berkenaan tingkah laku mengikut peraturan-peraturan yang diwujudkan.

Di peringkat sekolah, disiplin adalah peraturan yang dikenakan ke atas murid-murid dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman ataupun ganjaran. Ia juga antara cabaran yang besar dalam sistem pengajian turath dengan melihat sifat keterbukaan ibubapa dalam menerima sistem yang dilaksana, kesanggupan guru melaksanakan denda, jenis denda yang dilakukan agar bersesuaian dengan kesalahan dan tidak memberi kecederaan fizikal dan emosi remaja. Denda hakikatnya dapat dilihat dari aspek memberi pembalasan, pemulihan dan pencegahan (Abdul Rahman, t.th.) kepada akhlak atau pelanggaran peraturan yang dilakukan oleh remaja.

Dalam konteks di Malaysia, undang-undang dan peraturan disiplin yang dipraktikkan di sekolah-sekolah di Malaysia adalah berdasarkan kepada tiga rujukan utama, iaitu (James Ang Jit Eng, 2011) iaitu Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, iaitu peraturan yang dibuat berdasarkan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 116, Ordinan Pelajaran 1957. Manakala Buku-buku panduan pengurusan disiplin yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya Surat-surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia secara berkala Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 (selepas ini disebut Peraturan 1959) merupakan peraturan induk pengurusan disiplin di sekolah-sekolah seluruh Malaysia melainkan sekolah yang dikecualikan daripada pendaftaran di bawah seksyen 114(2) Ordinan Pelajaran 1957, dan sekolah gaya pos (Peraturan 1). Tujuan peraturan ini diadakan pastinya ingin memberi nilai disiplin diri yang tinggi dalam kalangan remaja dalam usaha membentuk akhlak remaja ke arah yang lebih baik (Nasrul, 2017).

Aspek persekitaran sosial yang penting dalam membentuk akhlak remaja ialah pemilihan ikon sebagai individu yang dijadikan idola dalam kehidupan remaja. Rajah berikut menunjukkan pandangan Imam al-Ghazali berkenaan teori akhlak guru terhadap pelajar. Ia membuktikan bahawa guru adalah ikon yang paling hampir dengan pelajar dan wajar dijadikan ikutan dalam kehidupan seharian.



Rajah 1. Teori akhlak guru menurut Imam al-Ghazali

Rajah 1 di atas menunjukkan teori akhlak guru menurut Imam al-Ghazali. Ia menunjukkan bahawa guru wajar dijadikan ikon terhadap murid dalam proses memberi pendidikan. guru berpeluang mendidik murid-murid dengan didikan dan asuhan yang baik. Guru juga sesuai dijadikan sebagai role model untuk mereka ikuti dalam menjalani kehidupan kini yang penuh cabaran. Antara aspek penting adalah kasih sayang, ikhlas, nasihat, hikmah, pengajaran bertahap dan beramal dengan apa yang telah dipelajari. Ia menjadi cabaran kepada institusi pengajian dalam menentukan akhlak guru yang memberi didikan kepada remaja agar dapat dijadikan ikutan dalam diri remaja.

Ibubapa juga antara individu yang mempunyai pengaruh dalam pembentukan akhlak remaja. Perbincangan berkenaan cabaran membentuk remaja turut perlu melihat kepada beberapa aspek yang amat memberi pengaruh dalam diri remaja iaitu latarbelakang keluarga. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dengan masalah sosial adalah pelajar yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru yang tidak pernah mereka lakukan. Mereka juga sentiasa menginginkan kebebasan dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Kedua-dua aspek ini menunjukkan peratusan yang agak tinggi kerana seramai 80.2% pelajar mengatakan setuju dengan pernyataan ini (Zainuddin, 2011).

Walaupun terdapat keadaan-keadaan ibu bapa yang boleh mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dalam masalah sosial, ibu bapa pelajar-pelajar ini tidaklah terlalu tegas dan mereka agak bertolak ansur dalam memberikan hukuman kepada anak-anak mereka yang melakukan kesalahan. Ini dibuktikan seramai 57% ibu bapa pelajar tidaklah terlalu tegas dalam memberikan hukuman kepada mereka. Tetapi, seramai 43% pelajar mengatakan penglibatan mereka dalam masalah sosial adalah kerana ketegasan ibu bapa mereka dalam memberikan hukuman jika mereka melakukan kesalahan (Zainuddin, 2011).

Walaupun begitu terdapat juga aspek-aspek yang agak lemah di dalam mendidik anak-anak mereka seperti kurang berkomunikasi dengan anak-anak mereka dan jarang memberi motivasi terhadap perkara-perkara yang dilakukan oleh anak-anak mereka (Zainuddin, 2011). Ia antara cabaran dalam sistem pengajian yang perlu diberi penekanan dalam membentuk akhlak remaja.

Kajian lepas menunjukkan tiga faktor utama yang menjadi cabaran kepada perkembangan pondok masa kini iaitu kurikulum, pengurusan dan pengiktirafan pengajian pondok. Hasil kajian turut mendapati, pelajar mengakui bahawa sistem pendidikan ini memberi impak positif kepada diri mereka (min 4.59). Mereka turut mengakui sistem pendidikan ini memberi manfaat kepada keluarga dan persekitaran mereka. Sistem pendidikan pondok juga diakui berupaya untuk membentuk sahsiah pelajar kearah yang lebih baik dan menghasilkan pelajar yang berkualiti (Noornajihan, 2017).

Noornajihan (2017) memetik pandangan yang dibawa oleh Wan Mohd Nor (2006) menjelaskan Pendidikan Islam bukan hanya berlaku di dalam bilik darjah atau melalui mata pelajaran Pendidikan Islam atau tertumpu kepada pelajar jurusan Islam semata mata. Pendidikan Islam adalah satu bentuk usaha untuk menyeimbangkan kekuatan tubuh badan yang ada pada manusia dan kekuatan diri dengan hubungan dengan Allah, kejadian alam sekeliling dan juga hubungan sesama manusia. Ia merupakan cabaran yang perlu dihadapi bagi membentuk akhlak remaja agar nilai-nilai Islam sentiasa ada dalam diri remaja supaya tidak terlibat dengan perkara yang menyalahi syariat Islam.

Kesimpulan

Pendidikan mempunyai cabaran tersendiri terutama dalam membentuk akhlak remaja agar menepati syariat Islam. Ia tidak terkecuali bagi pengajian turath yang turut mempunyai cabaran tersendiri. Antara aspek yang dilihat sebagai cabaran ialah cabaran dalam mendapatkan ikon sebagai role model dalam diri remaja dalam persekitaran sosial, cabaran dalam memberi denda dan ganjaran kepada pelajar mengikut kesesuaian dan kemampuan institusi. Cara memberi nasihat juga perlu diberi penekanan agar selari dengan ilmu psikologi supaya memberi kesan yang maksima dan membantu pelajar membentuk akhlak. Cabaran-cabaran ini dapat diatasi dengan fokus kepada perkembangan pendidikan dan mengikuti arus semasa tanpa meninggalkan amalan sedia ada yang diamalkan di institusi tersebut.

Rujukan

- Abdul Rahman Aroff dan Zakaria Kasa. (1987). *Falsafah dan Konsep Pendidikan, Siri Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Sarawak*. Tesis kedoktoran Tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Khairudin Bajuri et al. (2012). *Konsep Ganjaran Dalam Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya Di Sebuah Sekolah Menengah Agama Di*

Terengganu. *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*.

- Mohammad Nizar Mahzir, Nor Hayati Fatmi Talib & Nor Izzati Binti Mahd Nor. (2016). Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Penghayatan Islam Pelajar Semester Satu Sesi Jun 2015 Politeknik Mukah Sarawak. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016* 21-22 Mei 2016, Auditorium Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Muhammad Abul Quasem. (t.th.). *The Ethics Of Al-Ghazali : A Composite Ethics In Islam* Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Zarina A Rashid. (2017). Peraturan Dan Undang-Undang Kawalan Disiplin Murid Di Malaysia. *Attarbanwij: Malaysian Online Journal of Education*. Vol. 1, No. 1.
- Noornajihan et al. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, Volume: 2 Issue: 6.
- Norlizah Che Hassan. (2014). *Dinamika Kendiri Remaja*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Akademika* 87(1).
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2).
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1, Mac 2011.

BAB 6

SOSIALIS PRIMITIF MENURUT PANDANGAN ALI SYARIATI

Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib & Hamzah Omar

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pengenalan

Dunia sedang menghadapi perkembangan yang besar dan cepat dalam kehidupan masyarakat dan peradaban manusia. Sains dan teknologi antara pemacu kepada kepesatan perkembangan sosio masyarakat. Perkembangan dari sudut ilmu, ekonomi, politik, industri, penemuan baru dan pelbagai aspek lagi seolah tidak terelak.

Kerancakkan perkembangan peradaban manusia dalam dunia moden turut memberi kesan kepada mental manusia. Pelbagai krisis jiwa, mental, spiritual, sosial dan moral berlaku dengan sangat drastik. Seolah kecepatan sains dan teknologi ini tidak mampu ditampung oleh rohani manusia yang ketinggalan dan belum cukup bersedia. Suka penulis petik dari al-'Allamah Perancis, Alexy Karil (Al-Hamid, 1998):

“Manusia seharusnya menjadi ukuran terhadap segala sesuatu, akan tetapi pada kenyataannya adalah terbalik. Manusia asing dalam dunia yang dia temui. Dia tidak dapat mengatur sendiri dunianya, kerana dia tidak memiliki pengetahuan yang ilmiah tentang tabiatnya. Maka dari kemajuan tinggi yang dicapai oleh ilmu benda mati terhadap ilmu biologi adalah salah satu bencana yang menimpa kemanusiaan. Maka, persekitaran yang diwujudkan oleh akal dan penemuan-penemuan kita itu tidak layak bukan kerana pervatakan kita, dan tidak juga kerana rupa paras kita. Kita adalah kaum yang sengsara kerana telah rosak secara moral mahupun akal...”

Kepesatan ekonomi antara yang paling dominan dalam perlumbaan hidup manusia era masakini. Ekonomi juga antara penyumbang terbesar kepada krisis jiwa yang dihadapi manusia memandangkan peradaban yang terbina saat ini berasaskan materialisme Barat. Seluruh dunia dilihat berlumba-lumba mengejar status negara industri sehingga mengabaikan kebahagiaan manusia dan terjerumus ke daerah masyarakat kapitalisme.

Kapitalisme sebuah sistem yang meletakkan keuntungan adalah tujuan utama. Sistem yang sebolehnya tiada campur tangan pihak pemerintah. Sistem yang menjadi hak pribadi lebih besar dari yang lain nya. Dalam kerancakkan dan mengejar keuntungan semata-mata, hak kemanusiaan mula terabai oleh puak kapitalis.

Isu pengabaian kemanusiaan dalam dunia kapitalis memicu kepada munculnya perjuangan sosialisme dan komunisme yang berasaskan masyarakat tanpa kelas. Kelas menurut sosialis-kapitalis punca kepada hilang kebahagiaan manusia. Karl Marx menganalisa kehidupan masyarakat setelah melihat sistem kapitalis berjalan dan mula membahagikan lima tahap cara pengeluaran yang berbeza-beza yang membentuk masyarakat dan menurut beliau masyarakat perlu merentasinya iaitu tahap Komunis Primitif, Perhambaan Kuno (*Classical Slavery*), Feudalisme, Kapitalisme dan Komunisme (McLellan, 1977: 256).

Dari lima tahap yang disusun oleh Marx ini menggambarkan proses perkembangan peradaban manusia mengikut naratif epistemologi Barat. Dua aliran epistemologi yang terbesar, iaitu aliran empirisme dan rasionalisme (Abdullah, 2016) yang mana pasti menghasilkan natijah materialisme Barat yang lain pula.

Dari sinilah penulis mencari sudut perbincangan tahap perkembangan sosiologi manusia melalui naratif agama Islam sehinggalah ditemukan dalam penulisan Ali Syariati melalui buku beliau Paradigma Kaum Tertindas Sebuah Kajian Sosiologi Islam agar natijah yang diperolehi bukan nya hasil sekularisme yang memisahkan Tuhan dari kehidupan.

Sosialis Primitif

Buku Paradigma Kaum Tertindas Sebuah Kajian Sosiologi Islam ini tidaklah membicarakan sepenuhnya lima tahap yang telah digariskan Marx, cuma ada satu aspek yang disentuh iaitu Komunis Primitif atau dinamakan oleh Ali Syariati sebagai Sosialis Primitif. Penulis secara analisis analitikal akal mengupas isu Sosialis Primitif. Sosialis Primitif secara mudah untuk diterangkan disebut (Kiri, 2019):

Pada zaman primitif, iaitu ketika alat-alat pengeluaran untuk menghasilkan kekayaan masyarakat itu masih sangat mundur lagi, manusia yang hidup secara berkelompok itu tiadanya hasil buruh lebihan (surplus), maka tidak perlu wujudnya pemisahan kerja. Masyarakat pada masa itu hidup dalam hubungan sosio-ekonomi yang samarata, di mana semua anggota sesuatu kelompok masyarakat itu bekerja secara bersama-sama dan menikmati hasil buruh secara bersama-sama. Bentuk masyarakat sebegini dikenali sebagai komunisme primitif.

Sebuah masyarakat awal yang hidup dalam komuniti bagi meneruskan kelangsungan hidup yang tidak berlaku perebutan kerana tidak wujud lebih dari hasil buruan atau pencarian di kalangan mereka.

Sosialis Primitif adalah masyarakat awal yang tidak mempunyai kelas. Mereka tiada keperluan untuk membahagikan kelas di antara mereka kerana tidak wujud pemisahan kerja memandangkan masyarakat awal pada masa itu sama-sama melakukan kerja bagi meneruskan kelangsungan hidup kelompok mereka.

Ali Syariati dalam membahaskan Sosialis Primitif ini membawa pengisahan sejarah pertembungan dua putra Nabi Allah Adam alaihi salam iaitu Habil dan Qabil. Pertembungan Habil menurut beliau adalah pertembungan dua kutub yang saling berlawanan sehingga kini (Syariati, 1982: 90) iaitu kelompok proletariat yang diwakili Habil dan borjuis yang diwakili Qabil.

Ali Syariati membawa pembaca melihat sembah yang diberi oleh Qabil adalah hasil sisa dari pertanian yang buruk (Syariati, 1982: 90) adapun Habil mempersembahkan unta yang terbaik (Syariati, 1982: 91). Boleh diperincikan Qabil mewakili sistem pertanian kerana yang dipersembahkan adalah hasil pertanian dan Habil sistem penggembalaan. Menjelaskan sistem penggembalaan adalah Sosialis Primitif, Ali Syariati menganalisa begini (Syariati, 1982: 91):

“Sejarah mengajarkan kepada kita, bahawa pada zaman penggembalaan, yang juga merupakan zaman perikanan dan pemburuan, alam adalah sumber semua produksi (dalam kisah di atas sistem produksi ini diwakili oleh sang unta). Hutan rimba, lautan, padang pasir dan sungai-sungai dan semua sumber ini tersedia bagi seluruh warga masyarakat, sedangkan alat produksi utama ialah tangan manusia sendiri. Kalaupun ada alat produksi lain, maka jumlahnya masih sangat terbatas dan sederhana, hasil buatan sendiri untuk dipakai sendiri”.

Di mana sistem yang dipakai oleh Habil adalah Sosialis Primitif. Menggunakan sumber alam yang tiada keperluan pemilikan kerana ianya tersedia untuk semua manusia. Adapun Qabil mewakili sistem pertanian atau hak pemilikan atau nama lain disebut masyarakat kapitalis, Ali Syariati analisa begini:

“Sistem pertanian mengakibatkan pembatasan sumber-sumber produksi yang terdapat dalam alam. Alat-alat produksi yang dipergunakan semakin maju. Hubungan-hubungan produksi jadi semakin kompleks. Kerana tanah yang bias digarap, berbeda dengan hutan dan lautan, tidak lagi tersedia bebas untuk semua, maka untuk pertama kali dalam hidupnya manusia lalu menguasai sebahagian alam untuk dirinya sendiri, dan tidak membolehkan orang lain untuk memanfaatkannya – timbullah sistem milik pribadi”.

Perkembangan alat produksi membuat manusia meneroka alam dan meletakkan batas-batas yang diterokai itu sebagai hak milik persendirian. Dalam kisah Qabil yang mengusahakan tanah sebagai tanah pertanian melahirkan perasaan keji (Syariati, 1982: 91) dan penuh penguasaan dalam diri seorang manusia. Secara langsung Ali Syariati menempelak sistem pertanian dalam kisah Habil dan Qabil dengan menduga bermulanya pertembungan proletariat dengan borjuis dari kisah manusia awal ini.

Perbincangan Sosialis Primitif

Selain menempelak sistem pertanian beliau tidak lekang memuji masyarakat primitif. Beliau melabelkan masyarakat primitif sebuah masyarakat yang aman (Syariati, 1982: 92). Antara ciri yang digambarkan seperti bebas dan pemurah, menggunakan sumber alam hanya dengan sekadar keperluan hidup dan bersikap toleransi.

Pujian seperti ini seolah membawa beliau seorang yang cenderung kepada pembentukan Sosialis Primitif namun tidak dapat dibuktikan kecenderungan beliau dalam buku ini kerana beliau lebih banyak mengisahkan keburukkan dari sistem pertanian atau yang dimaksudkan adalah kelompok kapitalis.

Sistem pertanian secara sejarahnya memaparkan kaedah pembedakan atau orang suruhan dalam mengusahakan pertanian (Kusmiadi, t.th: 2). Maka tidak hairanlah karekteristik yang dibawa oleh Qabil bersifat psikologi ketuanan yang mirip sikap kelompok kapitalis yang banyak menggunakan sumber manusia dengan semahunya.

Adapun sikap Habil yang memanfaatkan alam dengan cara primitif melahirkan sikap yang belas kasihan dan menyanjung kehormatan kerana beliau memahami alam ini dengan cara primitif iaitu perkongsian bersama. Boleh disimpulkan perbezaan pekerjaan yang dikerjakan oleh mereka ini meletakkan mereka pada posisi ekonomi dan sosial yang berbeza. Satu yang hidup dalam lingkungan mengeksploitasi orang lain yang mana lahirnya sikap pemilikan individu dan adapun seorang lagi hidup dengan alam secara perimitif yang membentuk karekter yang sebaliknya, antara lain pembunuhan Habil telah melenyapkan sistem masyarakat primitif (Syariati, 1982: 94) dan melahirkan masyarakat kelas.

Kesimpulan

Walaupun Ali Syariati memuji-muji Sosialis Primitif sebagai sebuah masyarakat yang asli dari sudut sistem nya yang meraikan persamaan dan persaudaraan di mana boleh dilihat dari produktiviti pengembalaan dan perikanan namun beliau memperakui era dan fasa itu sudah berakhir. Suasana masyarakat sudah

beralih kepada hak pemilikan individu, masyarakat kelas, eksploitasi dan persaingan.

Juga boleh disimpulkan perbincangan *Sosialis Primitif* yang mana lebih awal dibincangkan oleh Marx dan Friedrich Engels sekitar 1884 dan jelas epistemologi mereka bersifat sekular berjaya dihuraikan oleh Ali Syariati dari sudut pandang Islam dan bersumberkan al-Quran. Kemampuan Ali Syariati memahami Al-Quran dari perspektif sosiologi berjaya membuktikan Islam tidak perlu mengesampingkan agama dalam perbincangan ilmu Sosiologi.

Pemikiran Ali Syariati jelas terkandung sebuah epistemologi Islam yang sama sekali tidak pernah mengesampingkan kewujudan Tuhan. Identiti beliau yang dipengaruhi kebudayaan, falsafah dan agama masyarakat Iran yang berkonsepkan *Taubidik* menjadikan beliau berkonfrontasi secara epistemologi dengan Barat. Namun pemikiran beliau tidaklah menafikan Barat sepenuhnya malah beliau sendiri mengambil Barat sebagai isu yang dibincangkan atau kata lain proses Islamisasi Ilmu Barat mengikut cara beliau sendiri.

Rujukan

- Abdullah, A. R. (2016). *Wacana Falsafah Barat*. Wangsa Maju: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Al-Hamid, M. A. (1998). *Islam dan Perkembangan Sosial*. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought, Malaysia.
- Hassan, M. K. (1996). Pembentukan Ilmu Kemasyarakatan dari Perspektif Islam. In M. H. Wan Hashim Wan Teh, *Sains Sosial dari Perspektif Islam* (p. 11). Bangi: Penerbit UKM.
- Kiri, B. (2019, April 20). *sosialis.net*. Retrieved from <https://sosialis.net/:https://sosialis.net/2019/04/20/adakah-perjuangan-kelas-masih-relevan-hari-ini/>
- Kusmiadi, I. (t.th: 2, t.th t.th). *Browse*. Retrieved from <http://repository.ut.ac.id/:http://repository.ut.ac.id/4425/1/LUHT4219-M1.pdf>
- Syariati, A. (1982). *Paradigma Kaum Tertindas Sebuah Kajian Sosiologi Islam*. Yogyakarta: Islamic Centre Jakarta AL-HUDA.

BAB 7

PERANAN AKIDAH DALAM MENGHADAPI PENULARAN PANDEMIK COVID-19

Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin¹ & Yusni Mohamad Yusak²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Politeknik Port Dickson (PPD)

Pengenalan

Menjadi satu kefardhuan bagi umat Islam agar sentiasa berpegang teguh dengan tali Allah SWT dalam semua perkara pada setiap waktu sama ada dalam kenikmatan atau ketika musibah. Berlandaskan kepada kefahaman tersebut, setiap mukmin hendaklah meletakkan keutamaan kepada soal akidah dalam seluruh aktiviti kehidupannya. Ia termasuklah dalam aspek yang berkaitan dengan pembangunan ummah agar seluruh perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan yang ditelusurinya tidak terkeluar dari matlamat untuk menyelaraskan urusan kehidupan seiring dengan prinsip-prinsip keimanan yang diyakininya.

Hari ini dunia dikejutkan dengan penemuan wabak penyakit *Coronavirus Disease 2019* (COVID-19) dikenali juga sebagai penyakit pernafasan akut 2019-nCoV (KKM 2020, Noriha et al. 2020) Covid-19 tersebar dengan pantas melangkaui sempadan negara dan benua secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan telah mengorbankan jutaan nyawa dalam masa singkat. Pelbagai kaedah telah dilaksanakan untuk membendung wabak ini dari merebak iaitu melalui pendekatan saintifik, data, pemulihan ekonomi dan pematuhan perlembagaan (JAKIM, 2020). Penyembuhan atau rawatan ini didasarkan pada asas-asas syar'iyah dan prinsip ilmiah.

Kerajaan telah mengeluarkan beberapa nasihat dan arahan kepada rakyat Malaysia untuk mengambil langkah pencegahan penyakit berjangkit, termasuk larangan berkumpul dan berhimpun di satu-satu tempat dalam kumpulan yang ramai. Semua ini bertujuan membendung penularan dan jangkitan pandemik COVID-19, di samping menjaga kesihatan manusia daripada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudharatan.

Covid-19 Dan Teori Konspirasi

Teori konspirasi sering dikaitkan juga jika sesuatu krisis terjadi sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial. Kes pertama Covid-19 di Malaysia dilaporkan pada 25 Januari 2020 (CPRC, KKM: 17 Februari 2020). Pada pertengahan Februari 2020, ketika *World Health Organization (WHO)* menyatakan bahawa COVID-19 adalah pandemik (Fauzi, 2020).

Sejajar dengan pengisytiharan pandemik oleh WHO teori konspirasi Corona muncul. Versi pertama menyebutkan bahawa virus ini tidak berbahaya. Pencetusnya adalah Donald Trump, Mantan Presiden Amerika Syarikat. Versi kedua pula menyebutkan bahawa virus ini dibuat di makmal Wuhan sebagai senjata biologi.

Menurut teori-teori ini, Bill Gates, China atau WHO adalah para konspirator jahat yang akan menyediakan vaksinya. Vaksin itu akan diisi dengan teknologi 5G dan ditanamkan di dahi atau telapak tangan manusia. Lambangnya 666. Lambang 666 dalam kitab bible fasal 13:18 menunjukkan Kaisar Domotianus, Si Nero Redivivus. Menurut teori tersebut setiap huruf diberikan angka, maka huruf perkataan corona jika dijumlahkan menghasilkan nombor 66. Jika digabung dengan jumlah huruf dari perkataan ini adalah 6 maka corona menjadi angka 666. Teori konpirasi ini menjelaskan bahawa bilangan tersebut merujuk pada tokoh sejarah yang pernah hidup bernama Kaisar Nero dan dipercayai akan mengalami kebangkitan kembali ke dunia. Oleh sebab itu, menurut Christina, bahawa teori ini bukan virus alami melainkan buatan sekelompok pemuja syaitan untuk menghuru-harakan dunia (Christina, 2020).

Peranan Akidah Islamiyyah Dalam Menghadapi Penularan Covid-19

Dalam pengajian akidah, mukmin diajar bahawa Allah SWT bersifat '*iradah*' (kehendak). Kehendak Allah SWT adalah 'kehendak yang muktamad' dan mengatasi kehendak manusia (Hamat, 1998). Oleh yang demikian, manusia didedahkan oleh Allah SWT tentang 'apa kehendak' yang diinginiNya di dunia yang diciptakanNya seperti firman Allah SWT dalam surah al-Nahl 16:8

... وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

Allah sentiasa mencipta apa yang kamu tidak tahu.

Menjadi tanggungjawab manusia untuk berusaha segigihnya bagi memahami kehendak Allah SWT berdasarkan panduan wahyu dan bimbingan

para Rasul AS. Malahan manusia diberikan ruang untuk berijtihad dalam hal-hal yang tertentu bagi menafsirkan permasalahan semasa yang tidak dijelaskan secara terang melalui nas-nas yang *qat'i*. Proses ijtihad di dalam Islam memperuntukkan tiga prinsip utama iaitu *tawhid*, *tazkiyyah* dan *'umran*. Justeru, Hamat menegaskan dalam bidang perancangan sosial, tauhid sewajibnya menjadi asas utama kepada aturan sosial (*the principle of social order*) yang ingin diterapkan dalam masyarakat. Impak proses ijtihad melahirkan apa yang dikenali sebagai 'pemikiran Islam.' (Hamat, 1998)

Novel Coronavirus (nCoV) atau Covid-19 yang julung kalinya dikesan di Wuhan, China pada 31 Disember 2019, tegas Dato Zulkifli al-Bakri (2020) perlu dihadapi melalui tiga situasi iaitu sebelum dijangkiti, semasa dijangkiti dan selepas dijangkiti (JAKIM, 2020). Hakikatnya, wabak penyakit berjangkit sebegini pernah berlaku pada zaman awal pemerintahan Islam iaitu pada zaman Khalifah Saidina Umar al-Khattab pada tahun 17 Hijriyah. Pada tahun tersebut satu wabak taun telah menular dalam kalangan masyarakat bermula di daerah Awamas, sebuah bandar sebelah Barat Jerusalem di Palestin. Tambah Muhammad Husein Haekal (2002), wabak penyakit tersebut menular ke Syam (Syria) dan ke Iraq. Sabda Nabi SAW

الطاعون آية الرجز ابتلى الله عز وجل به أناساً من عباده، فإذا سمعتم به فلا تدخلوا عليه،
وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تفرؤا منه

[Riwayat al-Bukhari (10/179) dan Muslim (4/1738)]

Maksudnya:

Apabila kalian mendengar wabak penyakit taun melanda ke sesebuah negeri, maka janganlah kalian memasukinya. Adapun apabila penyakit itu melanda suatu negeri sedangkan kalian berada di dalamnya, maka janganlah kalian lari keluar dari negeri tersebut."

Melalui hadis ini dapat difahami bahawa Nabi Muhammad SAW menggesa umat Islam yang berada di tempat penularan wabak penyakit untuk tidak keluar dari kawasannya. Manakala bagi mereka yang sihat pula diperintahkan untuk tidak memasuki tempat yang terkena wabak penyakit. Selain itu menurut YB Senator Dato' Dr. Mohamad Zulkifli Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengungkapkan selain duduk di rumah, umat Islam dituntut memperbanyakkan doa, munajat, istighfar. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2020) Antara doa-doa yang ma'thur adalah seperti:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Maksudnya:

“Ya Allah aku berlindung denganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala penyakit berbahaya yang lain.” (Hadith Riwayat Abu Daud)

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّاعُونَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْبَغْيَ وَالسُّوءَ
الْمُخْتَلِفَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ مِنْ بَلَدِنَا وَقَرْيَتِنَا هَذِهِ خَاصَّةً وَمِنْ
بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ كَأَمَّةٍ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ
وَالْخَيْرَاتِ، وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ، وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ، اللَّهُمَّ
اصْرِفْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ، وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى، وَنَجِّنَا مِنَ الطَّعْنِ وَالطَّاعُونَ وَالْبَلَاءَ، بَلِّغْكَ يَا
لَطِيفُ، يَا خَبِيرُ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Saidina Muhammad semulia-mulia nabi dan rasul, ahli keluarga dan para sahabatnya. Ya Allah! Jauhilah kami daripada bala bencana, wabak penyakit, taun, pelbagai perlakuan keji dan mungkar, segala kepayahan dan dugaan yang zahir dan yang tersembunyi. Ya Allah! Selamatkanlah negeri kami ini khususnya, dan negara umat Islam amnya daripada segala bencana tersebut. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa ke atas segala-galanya dan Engkaulah yang selayaknya memberi perkenan. Aku berlindung dengan Allah Tuhan yang Maha Gagah Perkasa dan yang mempunyai kekuasaan mutlak. Aku berpegang teguh kepada Allah, Tuhan yang memiliki kerajaan yang Maha Agung dan aku berserah diri kepada Allah yang hidup dan tidak akan mati. Ya Allah! Wabai Tuhan kami jauhilah kami daripada wabak yang datang ini dan peliharalah kami daripada segala kejahatan yang merosakkan serta selamatkanlah kami daripada segala fitnah dan penyakit taun serta segala bala yang datang, dengan kelembutan-Mu ya Allah, Tuhan yang Maha Berlemah Lembut, wabai Tuhan yang Maha Halus Pengetahuan-Nya, Engkau Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu, selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabatnya. Segala puji bagi Allah Tuhan pencipta alam semesta.

Bagi menghadapi wabak ini jika seseorang muslim itu bergejala sama ada melibatkan dirinya, atau keluarga dan saudara mara perlu menganggap musibah ini akan menjadi sebab seseorang Muslim diangkat kedudukannya di sisi Allah SWT. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2: 155-157:

وَلَتَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ
الصَّابِرِينَ ﴿١٥٦﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٧﴾ أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ
صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar: (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: “Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali.” Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayahNya.”

Sekiranya diuji dengan virus COVID-19 pula, sikap yang perlu diambil adalah sentiasa optimis, positif dan bersangka baik terhadap Allah SWT. Semua yang ditentukan Allah SWT ada kebaikan dan hikmah tertentu, sama ada disadari atau sebaliknya.

Manakala jika gejala ini semakin teruk, pendekatan yang perlu diambil adalah perbanyakkan bertaubat kepada Allah SWT iaitu dengan taubat nasuha. Di samping itu memberi wasiat kepada ahli keluarga dan waris dengan memberi pesanan yang baik-baik. Sekiranya keadaan tidak menjadi lebih baik, tetap bersabar dan yakin. Hakikatnya pesakit tidak bersendirian. Sesungguhnya Allah SWT dan malaikat sentiasa melindungi dan bersama-sama menjaga. Perlu perbanyakkan zikir dengan melafazkan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Daripada Abu Sa'id Al-Khudri RA, beliau berkata; Rasulullah SAW bersabda: *"Talkinkanlah (ajarkanlah) orang yang berada di penghujung ajalunya agar membaca (kalimah):*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Sekiranya pesakit pulih dari penyakit ini, maka dituntut perbanyakkan mengucap alhamdulillah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT (*muraqabah*) dengan sentiasa melaksanakan perkara yang makruf dan menjauhi perkara yang dilarang. Allah SWT sentiasa akan memberikan ujian dan musibah kepada hambaNya kerana ingin mendengar rintihan doa dari hamba-Nya, dan (melihat)

munajatnya dalam ketundukan serta redhanya hamba tersebut kepada ketentuan takdir yang telah ditetapkan ke atas hamba-Nya (Zulkifli, 2020).

Kesimpulan

Perbincangan di atas menyerlahkan peranan aqidah dalam menghadapi wabak pandemik COVID-19 iaitu dengan penuh kesabaran dan kerendahan hati kepada Allah SWT serta mengharapakan redhaNya. Pandemik C-19 adalah ujian dari Allah SWT untuk melihat hamba-hambaNya yang bertaqwa. Iaitu ujian yang dikirimkan dalam bentuk wabak dan penyakit berjangkit sebagai ingatan kepada manusia agar memelihara akidah dan tidak menyalahkan takdir. Selanjutnya, Allah SWT memberikan ingatan agar menjaga kebersihan, pemakanan dan kesihatan serta dijadikan keutamaan oleh setiap individu, keluarga dan masyarakat kearah mewujudkan persekitan yang selamat dan bebas daripada sebarang wabak penyakit

Rujukan

- Basmeh, A. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Christina, E. (2020). Pandemi Covid-19 adalah 666? *Jurnal Teologi Pentakosta*, 1-23.
- Fauzi, S. (2020). Fahami perbezaan epidemik, endemic dan pandemik. Diakses pada 17 April 2020. Jumaat. Jam 12.10 pagi. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>
- Hamat, F. (1998). Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 13-33.
- Ibn Hajar. (2015). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Jilid 10, Halaman 159. Mesir:al-Salafiyah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Tip menghadapi COVID19. Panduan menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2020). Soalan Lazim (FAQ) Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Kementerian Kesihatan Malaysia. cprc@moh.gov.my - FAQ KKM_20Mac2020.pdf
- Khalilullah A. A., Muhammad Fathullah Al-Haq M. A. (2020). Isu Pendamik Covid-19: Sikap Masyarakat Muslim Mendepani Petunjuk. *5th International Muḥakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2020)*. Bangi, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Noriha B, Ina Suryani A. R., Mohamad Zaki A. H. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Melalui

- Perangkaan Data Kes Covid-19 di Malaysia, PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 Edisi Khas, 2020 / ISSN 1823-6812 (11-30)
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020). Bayan Linnas Siri Ke - 224: Covid-19: Saranan Kami. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4295-bayan-linnas-siri-ke-224-covid-19-saranan-kami>
- Suriani, O. (2020). *Pandemic Covid 19 and New Norms*. Nilai: USIM.
- Zulkifli, M. (2020). *Soal Jawab Fiqh COVID-19*. Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).